

PENILAIAN *OUTCOME* INDEKS BELIA MALAYSIA 2016 (IBM '16)

Mengukur Tahap Kualiti & Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia

© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES),
2017

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana isi kandungan penerbitan ini dalam apa jua bentuk
dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi,
rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin daripada Institut
Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional
yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan
generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang
berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.
Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan
pelbagai penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel,
syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai
hasil penyelidikan; mewujudkan dan melaksanakan program
latihan berkaitan penyelidikan; dan menyediakan kemudahan
penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber
dan data mengenai pembangunan belia.

Buku ini merupakan hasil kajian yang diterbitkan secara tahunan.
Cetakan pertama 2016
ISSN 2590 3926

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
Aras 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, MALAYSIA
Tel : +603 – 8871 3705 Faks : +603 – 8871 3342
Emel : penyelidik@iyres.gov.my
Laman Web : www.iyres.gov.my

KANDUNGAN

1 Pengenalan Indeks Belia Malaysia

9 Pengenalan Kajian Penilaian
Outcome Indeks Belia Malaysia

13 Metodologi dan Pengumpulan Data

17 Pembangunan Penilaian *Outcome*
Indeks Belia Malaysia 2016
(IBM'16)

25 Pencapaian Skor Indeks Belia
Malaysia 2015 dan 2016

28 Perbandingan Pencapaian 12
Domain dan 58 indikator bagi
Tahun 2015 dan 2016

31 Domain Pembangunan Kendiri

35 Domain Hubungan Sosial

39 Domain Identiti

43 Domain Potensi Diri

47 Domain Kesihatan

51 Domain Pendidikan

55 Domain Kesejahteraan Ekonomi

59 Domain Keselamatan

81 Kesimpulan
Tindakan Seterusnya (*What's Next*)

85 Rujukan

88 Lampiran A:
Perbandingan Sektor Mengikut Jantina
Bagi Tahun 2016

91 Lampiran B:
Perbandingan Sektor Mengikut Lokaliti
Bagi Tahun 2016

94 Lampiran C:
Perbandingan Sektor Mengikut Umur
Bagi Tahun 2016

94 Lampiran D:
Perbandingan Sektor Mengikut Etnik
Belia Bagi Tahun 2016

101 Lampiran E:
Perbandingan Sektor Mengikut Negeri
Bagi Tahun 2016

116 Penghargaan

63 Domain Sosialisasi Politik

67 Domain Penggunaan Media

71 Domain Waktu Senggang

77 Domain Bebas Tingkahlaku Devian

Pengenalan **Indeks Belia Malaysia**



SENARIO BELIA DI MALAYSIA

Belia merupakan aset penting negara yang mana mereka merupakan penyumbang terbesar dalam meningkatkan taraf hidup sama ada dari aspek ekonomi, sosial mahupun dari aspek politik. Menurut Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668), belia didefinisikan sebagai individu yang berumur 15 sehingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, pada tahun 2015, melalui Dasar Belia Malaysia (DBM), takrifan had umur belia telah diubah kepada individu yang berumur antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun.

Isu pembangunan belia amat penting kerana negara Malaysia mempunyai sejumlah 14.7 juta belia iaitu 46 peratus daripada 31.7 juta jumlah penduduknya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada populasi penduduk di Malaysia terdiri daripada golongan belia. Maka, semua pemegang taruh belia merangkumi pelbagai lapisan dalam peringkat sosial perlu mengambil langkah komprehensif dalam memastikan pengurusan sumber belia ini menjadi wadah utama bagi aspek pembangunan negara. Anjakan dalam usaha ke arah pembangunan belia adalah penting demi memupuk nilai budaya kehidupan yang positif. Pembangunan belia merupakan satu isu penting dalam pembangunan negara. Namun begitu subjek pembangunan belia masih dianggap sebagai isu mudah dan kurang mendapat perhatian umum (Samsudin A. Rahim, 2007).

**Belia Malaysia
berhadapan
dengan pelbagai
cabaran yang
dijangka akan
berganda pada
masa hadapan
sekiranya tidak
diuruskan dengan
baik - DBM**

Dalam persekitaran global yang semakin kompetitif, belia Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran. Adalah dijangkakan cabaran belia akan berganda pada masa hadapan sekiranya tidak diuruskan dengan baik. Oleh itu, Dasar Belia Malaysia (DBM, 2015) telah mengenal pasti empat cabaran utama yang dihadapi golongan belia Malaysia (Rajah 1). Perkara ini bertujuan memastikan polisi yang digubal bersesuaian dengan kehendak dan keperluan masa kini dan masa hadapan belia Malaysia.


Cabaran Belia Malaysia

Politik

- Literasi Politik
- Kematangan Politik
- Kepimpinan
- Pemikiran Global
- Hubungan Serantau dan Antarabangsa

Ekonomi

- Kos Sara Hidup
- Budaya Keusahawanan
- Kemahiran
- Pekerjaan
- Belia Miskin Bandar



Sosial

- Pendidikan
- Gejala Sosial
- Kerohanian dan Keagamaan
- Nilai Murni
- Jati Diri dan Perpaduan
- Kesukarelawanan
- Kesihatan Mental dan Fizikal
- Institusi Kekeluargaan
- Sentuhan Insaniah
- Institusi Masyarakat

Teknologi

- Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Media Digital atau Sosial
- Inovasi dan Kreativiti
- Sains dan Teknologi

Kualiti dan kesejahteraan hidup belia merupakan dua aspek yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Oleh yang demikian, satu mekanisme pemantauan dan penilaian perlu dilaksanakan bagi mengukur status dan keadaan kualiti dan kesejahteraan semasa golongan belia untuk dijadikan input kepada pihak berwajib bagi melaksanakan intervensi yang bersesuaian dalam membangunkan aset dan potensi mereka ke tahap yang lebih baik.

PENGENALAN KAJIAN INDEKS BELIA MALAYSIA

Indeks Belia Malaysia (IBM) merupakan instrumen atau penanda aras yang dibentuk bertujuan memantau perkembangan kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia. IBM telah berjaya diterbitkan sebanyak empat kali bermula pada tahun 2006, 2008, 2011 dan yang terkini pada tahun 2015. IBM'15 telah dibangunkan dengan beberapa penambahbaikan dari segi kekuatan pengukuran domain dan indikator.

Sebanyak 12 domain dan 58 indikator telah berjaya dibangunkan dan menjadi asas kepada dimensi pengukuran tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Malaysia. Domain dan indikator yang dibangunkan disesuaikan dan ditambahbaik dengan mengambil kira perubahan keadaan semasa

dan juga perkembangan serta ledakan teknologi yang berlaku dengan pesat.

Indikator yang digunakan dalam IBM adalah ke arah mengukur Pembangunan Belia Positif (PYD) di mana belia dilihat sebagai aset dan bukan sebagai liabiliti. Selain itu, melalui 12 domain dan 58 indikator tersebut dapat mengenal pasti pola gaya fikir dan gaya hidup belia Malaysia masa kini. Indikator positif bertujuan menggambarkan matlamat untuk melahirkan generasi belia yang memiliki kualiti modal insan positif ke arah merealisasikan Agenda Pembangunan Belia Negara dan secara tidak langsung menjadi mekanisme penilaian terhadap pelaksanaan Dasar Belia Malaysia (DBM) bermula pada tahun 2015 hingga 2035.

Kronologi Pembentukan IBM

IBM kali pertama dibangunkan pada tahun 2006. sebanyak 8 Domain dan 36 Indikator telah diperkenalkan.

01

IBM kali kedua pada tahun 2008. Sebanyak 8 domain dan 47 indikator.

02

03

IBM kali tiga pada tahun 2011. Sebanyak 9 domain dan 62 indikator.

04

IBM kali keempat pada tahun 2015. Sebanyak 12 domain dan 58 indikator.

KONSEP KUALITI DAN KESEJAHTERAAN

Perkataan 'kesejahteraan' bukanlah satu istilah yang baru. Mengikut kamus Dewan Bahasa Edisi Kedua memberi pengertian 'keadaan selamat', 'keamanan dan keselamatan', 'ketenteraman', 'sentosa' dan 'kesenangan hidup'. Manakala dalam bahasa Inggeris ia dikenali sebagai *well-being*.

Umumnya, kualiti dan kesejahteraan hidup dipengaruhi oleh keperluan asas yang dapat dimiliki dan dinikmati oleh individu, belia, keluarga, komuniti atau masyarakat dalam sesebuah penempatan, daerah, negeri atau negara. Menurut Bubolz *et al.* (1980), kualiti hidup adalah satu pernyataan umum yang merujuk kepada kesejahteraan atau ketidaksejahteraan masyarakat dalam persekitaran kehidupan mereka. Kualiti hidup juga membawa maksud kehidupan yang baik atau menjalani kehidupan dengan kualiti yang tinggi (Ventegodt *et al.*, 2003). Sementara Goldsmith (2005) mendefinisikan kualiti hidup sebagai persepsi individu terhadap kepuasan ke atas sesuatu keadaan, persekitaran dan hubungan secara relatif dengan alternatif sedia ada seperti keluarga dan rakan, kerja, pendapatan, keejiran dan tempat tinggal. Berdasarkan Sulaiman Md Yasin, Asnarullhadi Abu Samah, Jeffrey Lawrence D'Silve dan rakan-rakan (2015) menyatakan kesejahteraan membawa maksud satu pengertian yang menggambarkan satu keadaan cukup (makan minum, pakaian, tempat tinggal), selesa (kedudukan ekonomi), tenang (jiwa, psikososial, kesihatan), segar (persekitaran), harmoni (keadaan yang selamat), dan damai (suasana hidup sekeliling) yang mampu dan memberi makna kepada kebahagiaan hidup seseorang.

keperluan asas inilah juga yang menentukan kesejahteraan hidup mengikut suasana atau keadaan sosioekonomi, budaya, sosiopolitik di persekitaran mereka. Dengan erti kata lain, jika hidup seseorang individu ada kualiti, maka mereka akan sejahtera. Berdasarkan logik ini istilah yang sering digunakan seperti *good life* yang dirujuk oleh Diener dan Suh (1997) sering dikaitkan dengan kualiti hidup adalah mengenai kesejahteraan (*well-being*). Mereka yang ada kualiti hidup, akan merasa hidup selesa-*good life* dan memberi gambaran kesejahteraan atau kebahagiaan. Oleh sebab itulah Szalai (1980) mendefinisikan kualiti hidup (hidup berkualiti) itu sebagai *the degree of excellence* atau *satisfactory character of life*. Ringkasnya, kualiti hidup memberi gambaran mengenai darjah kesejahteraan hidup (*well being*) yang dirasakan oleh seseorang individu.

Menurut Zaimah Ramli dan rakan-rakan (2012) menyatakan bahawa kualiti hidup dan kesejahteraan merupakan satu konsep yang saling melengkapi. Kefahaman kualiti dan kesejahteraan hidup perlu mengambil kira elemen subjektifnya iaitu melibatkan gaya fikir, gaya tindak terhadap persekitaran, pengalaman kehidupan mereka. Kualiti dan kesejahteraan merupakan satu bentuk penilaian secara sedar atau taksiran psikologikal individu tentang kepuasan kehidupan mencakupi aspek pembangunan sendiri, hubungan sosial, sosio-ekonomi, persekitaran, integrasi sosial, kesihatan fizikal, pendidikan, keseimbangan hidup dan pekerjaan, keselamatan, politik dan sebagainya.

KEPENTINGAN KUALITI DAN KESEJAHTERAAN

Terdapat segelintir berpandangan bahawa pengukuran kualiti dan kesejahteraan yang subjektif dikatakan tidak tepat. Perkara ini disebabkan penilaian tersebut melibatkan pengukuran individu yang sering dipengaruhi oleh emosi dan persekitaran. Oleh itu, bila persekitaran berubah, penilaian juga turut berubah. Namun demikian, harus difahami fakta dan realiti sosial yang sebenar. Manusia hidup dalam konteks, iaitu hubungan persekitaran dan interaksi sosial meliputi keluarga, jiran, komuniti, kerja, rakan sebaya, masyarakat, gaya hidup dan lain-lain. Interaksi sosial seseorang individu dengan pelbagai persekitaran inilah menjadikan dan mewarnakan kepelbagaian dimensi kehidupannya. Mereka boleh menilai, mentafsir dan membuat pengiraan mengenai kepuasan dan kecukupan terhadap persekitaran tersebut dan seterusnya mempengaruhi darjah kesejahteraan hidup.

Pengiraan kesejahteraan yang hanya berpaksikan kepada pengiraan kuantitatif (fizikal) sahaja masih tidak mencukupi, ia tidak memberi gambaran tentang kepuasan dan kecukupan dari segi input pembangunan. Ini penting untuk dinilai dan diketahui. Input pembangunan mencakupi pelbagai aspek, seperti tahap kepuasan penyediaan kemudahan sosial, gaya hidup, kesihatan, keselamatan, kebajikan, keperluan asas dan sebagainya. Walaupun input tersebut tidak menjana pendapatan secara terus kepada ekonomi negara, tetapi mempunyai peranan yang besar dalam aspek pembangunan kesejahteraan kepada rakyat dan golongan belia khususnya. Oleh demikian amat rugi jika pengasingan penilaian atau pengiraan subjektif dan objektif pembangunan diketepikan secara tidak langsung bererti menafikan sumbangannya dalam pembinaan kualiti dan kesejahteraan hidup.

Ringkasnya, kualiti dan kesejahteraan hidup adalah satu konsep yang saling melengkapi dan menerangkan tentang tahap kualiti hidup. Perbezaan jelas antara keduanya dapat dilihat kepada cara pengukuran (Ventegodt *et al.*, 2003; Costanza *et al.*, 2007; McLead, 2008), iaitu kualiti hidup menjurus kepada pengukuran yang bersifat objektif. Manakala kesejahteraan pula menjurus kepada pengukuran kualiti hidup yang bersifat subjektif dan lebih dikenali sebagai kesejahteraan subjektif. Hubungan antara kedua-duanya juga kadang-kadang dilihat daripada pelbagai sudut pandangan, misalnya ada pihak yang menerima dan menggunakannya secara tukar-ganti (Galloway *et al.*, 2005). Malah ada yang menggunakan istilah kepuasan hidup bagi menggambarkan keadaan kualiti hidup dan kesejahteraan subjektif (Camfield & Skevington, 2008)



PERANAN INDEKS BELIA MALAYSIA

Pembentukan IBM membolehkan pihak bertanggungjawab atau kementerian/agensi yang mempunyai kawalan berkaitan dengan pembangunan belia memantau pola perkembangan gaya hidup dan gaya fikir generasi belia masa kini. Walaupun IBM ini tidak secara langsung mengukur keberkesanan pelbagai program pembangunan belia yang telah dilaksanakan, IBM memberikan maklumat penting tentang ruang dan bidang yang boleh dijadikan tumpuan bagi perancangan strategik program pembangunan generasi belia Malaysia.

Pembentukan IBM juga memberikan panduan kepada semua pemegang taruh termasuk pekerja belia untuk mengenal pasti bidang tumpuan yang memerlukan penambahbaikan dalam usaha meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia secara menyeluruh. Transformasi pembangunan belia yang lebih berfokus perlu diwujudkan supaya potensi generasi belia dapat dibimbing dan disokong agar jati diri belia dapat diserlahkan sepertimana termaktub dalam Dasar Belia Malaysia (DBM).

Bagi memastikan tahap kualiti dan kesejahteraan diuruskan dengan baik, maka satu kajian Penilaian *Outcome* perlu dilakukan secara berkala (setiap tahun) bagi memudahkan pemegang taruh belia memantau perkembangan semasa status kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia.

Pelaporan IBM'15 menunjukkan bahawa status tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia berada di tahap yang sederhana dengan nilai skor 70.22. Terdapat dua domain yang perlu diberi perhatian yang lebih khusus iaitu Kesejahteraan Ekonomi (Skor 54.26) berada pada tahap yang kurang memuaskan dan domain Sosialisasi Politik (skor 45.82) berada pada tahap tidak memuaskan.

Pengenalan
Penilaian *Outcome*
Indeks Belia Malaysia
2016 (IBM'16)



Pengenalan Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia 2016 (IBM'16)

Hasil pelaporan Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15) telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Sosial Bil 1/2016 pada 7 Jun 2016 yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. IBM'15 turut dijadikan *Key Performance Indicator (KPI)* nasional dalam memantau perkembangan kualiti dan tahap kesejahteraan hidup belia sehingga tahun 2020 dengan menjadikan IBM'15 sebagai tahun asas penilaiannya.

Laporan IBM'15 memberikan manfaat kepada pelbagai pihak khususnya pemegang taruh belia kerana mempunyai indikator yang boleh mengukur dan memantau perkembangan pelbagai aspek dalam pembangunan belia. Mesyuarat *Technical Working Group (TWG)* dan Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bil 1/2016, memutuskan agar Pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) melaksanakan pemantauan terhadap tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia melalui kajian penilaian *outcome* di peringkat

nasional secara berkala setiap tahun agar pencapaian *outcome* dapat dianalisis bagi menentukan program generasi belia mengikut keperluan.

Pelaksanaan Bengkel *Technical Working Group #MYindexbelia* yang pertama telah diadakan pada 15 dan 16 Mac 2016 melibatkan 15 Kementerian dan 29 Agensi/ NGO pemegang taruh pembangunan belia. *Output* daripada TWG ini merentas kerjasama dan inisiatif oleh semua kementerian dan agensi yang terlibat untuk mengguna pakai IBM sebagai penanda aras dan sasaran pencapaian bersama untuk meningkatkan nilai skor tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia di peringkat nasional. Berikut merupakan sasaran penilaian *outcome* Indeks Belia Malaysia dari tahun 2016 sehingga tahun 2020 yang telah diperakukan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri Malaysia.



Sasaran pertambahan sebanyak 1 skor setiap tahun telah dipersetujui di dalam Bengkel *Technical Working Group #Myindexbelia* yang telah dihadiri oleh semua wakil Kementerian/Jabatan

Berdasarkan kepada penanda aras bermula pada tahun 2006 (tahun asas) diikuti dengan tahun 2008, 2011 dan 2015, secara asasnya, didapati bahawa peningkatan skor pencapaian setiap tahun secara puratanya adalah sebanyak +1.0. Walaupun pada dasarnya, IBM'15 tidak dibandingkan dengan pelaksanaan tahun sebelum ini kerana perubahan yang berlaku ke atas domain dan indikator. Namun, IBM pada tahun 2006, 2008 dan 2011 boleh dijadikan rujukan untuk membuat unjuran dalam penetapan skor pencapaian tahap kualiti dan kesejahteraan

hidup belia pada tahun 2016 hingga 2020. Penetapan sasaran skor ini bermula dari tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak (+1.0) setiap tahun sehingga tahun 2020 iaitu berada pada tahap Memuaskan dengan catatan nilai skor 75.00.

Melalui penilaian *outcome* pihak kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan dapat menggunakan input pelaporan IBM bagi menghasilkan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Malaysia yang lebih komprehensif dan relevan.

KEPENTINGAN PENILAIAN *OUTCOME* INDEKS BELIA MALAYSIA 2016



Metodologi & Pengumpulan Data



METODOLOGI DAN PENGUMPULAN DATA

Rekabentuk Kajian

Kajian ini bertujuan melaporkan keadaan belia semasa. Pelaksanaan kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui tinjauan/survei secara bersemuka. Indeks Belia Malaysia sebelum ini, jelas menunjukkan suatu pendekatan unik perlu dihasilkan. Memahami kompleksiti kajian, pasukan penyelidik mengenal pasti kaedah sistematik bagi mencapai kualiti kerja yang tinggi supaya sampel dapat mewakili populasi dan mencerminkan keadaan sebenar belia Malaysia. Justeru, mekanisme kebarangkalian digunakan untuk mendapatkan sampel rawak yang dapat mewakili populasi belia (15-30 tahun) di seluruh Malaysia.

Penggarisan Sampel

Rangka Persampelan Isi Rumah Kebangsaan (RPIK) digunakan setelah mendapat runding nasihat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Blok Penghitungan (BP) berdasarkan Banci Penduduk 2010 digunapakai dalam penggarisan sampel kajian ini. Persampelan kajian meliputi kawasan BP seperti kajian yang dilaksanakan pada IBM'15. Pemilihan sampel di peringkat BP menggunakan kaedah *probability proportionate size*. Dalam setiap BP, terdapat sejumlah 80 – 120 Tempat Kediaman (TK) atau kira-kira 600 residen dalam setiap BP. Bagi setiap BP, 10 TK dipilih. Persampelan berstrata berperingkat digunakan, iaitu mengikut pembahagian negeri, diikuti pembahagian antara kawasan bandar dan luar bandar dan kategori umur belia yang meliputi belia awal (15-18 tahun), belia pertengahan (19-24 tahun), dan belia akhir (25-30 tahun). Bagi memastikan sasaran populasi mendapat peluang yang sama untuk dipilih, saiz sampel dikira mengikut persampelan berstrata. Pada aras keyakinan

95%, skor piawai $Z=1.96$, $d=0.035$ dan $p=0.5$. saiz sampel yang diperolehi adalah seramai 5976 responden.

Instrumen

Menggunakan borang kaji selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian terdiri daripada 157 item yang meliputi 12 domain dan 58 indikator bagi mengukur kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia.

Pengumpulan Data

Pasukan penyelidik mengakui bahawa enumerator memainkan peranan penting untuk memastikan kejayaan kajian ini. Justeru, latihan kepada enumerator merupakan suatu keperluan utama. Latihan kepada enumerator merangkumi penggunaan satu manual bertulis dan latihan praktikal. Manual bertulis merangkumi semua maklumat yang diperlukan untuk enumerator seperti penjelasan atau teknik menyoal kepada responden serta menonjolkan perkara dan soalan dalam borang soal selidik yang memerlukan perhatian. Latihan praktikal termasuklah rakaman klip video yang dibekalkan kepada semua enumerator untuk memberi pemahaman yang lebih jelas kepada enumerator. Dalam kajian ini, proses pengumpulan data melibatkan 16 negeri di seluruh Malaysia yang melibatkan hampir 192 enumerator di seluruh negara.


Tempoh Kutipan Data

Kajian ini mengambil tempoh masa tiga bulan bagi proses kutipan data di lapangan kajian yang melibatkan seluruh negara iaitu bermula pada bulan Ogos 2016 sehingga Oktober 2016.

KAEDAH PEMBENTUKAN SKOR INDEKS

Kajian ini menggunakan skor "0" sebagai skor minimum dan skor "100" sebagai skor maksimum. Semakin tinggi skor, maka lebih baik kualiti dan kesejahteraan hidup keseluruhan belia Malaysia.

Bagi memudahkan pemahaman tentang prestasi belia bagi setiap domain, skala di bawah digunakan.



Untuk mendapatkan skor IBM, purata skor bagi semua 12 domain dan 58 indikator dikira. Daripada purata skor setiap indikator, skor domain diperolehi. Berikut adalah formula bagi pengiraan skor Indeks:

$$\text{Skor Indikator : } \bar{X}_{\text{indikator}} = \frac{\sum_{k=1} \left[\frac{M_k - M_k^s}{R} \right]}{n_{\text{item}}} \times 100$$

$k = 1, 2, \dots, n_{\text{item}}$

$$\text{Skor Domain : } \bar{X}_{\text{domain}} = \frac{\sum_{i=1} \bar{X}_{\text{indikator},i}}{n_{\text{indikator}}}$$


$i = 1, 2, \dots, n_{\text{indikator}}$

$$\text{Skor Indeks : } \bar{X}_{\text{Indeks}} = \frac{\sum_{d=1} \bar{X}_{\text{Domain}}}{n_{\text{Domain}}}$$

$d = 1, 2, \dots, n_{\text{Domain}}$

M_k = Min
 M_k^s = nilai minimum skala
 R = nilai maksimum skala – nilai minimum skala
 N = Bilangan


Pembangunan
Penilaian *Outcome*
Indeks Belia Malaysia
2016 (IBM'16)



KONSEPTUAL PENILAIAN *OUTCOME* INDEKS BELIA MALAYSIA 2016

Kajian Penilaian *Outcome* IBM'16 menggunakan pendekatan dan konsep yang sama seperti IBM'15 iaitu dengan mengekalkan 12 domain dan 58 indikator dalam pengukurannya. Domain dan indikator yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Rajah 3: Kerangka Konsep Kualiti dan Sejahteraan Melalui *National Key Youth Development Area* (NKYDA)



Diadaptasi dan diubahsuai berdasarkan Kerangka Konsep *Global Youth Development Index* 2016 dan Dasar Belia Malaysia 2015 (DBM)

PENGENALAN 12 DOMAIN DAN 58 INDIKATOR

Petunjuk domain dan indikator dalam pelaksanaan Kajian Penilaian *Outcome* Indeks Belia Malaysia 2016 adalah berasaskan Indeks Belia Malaysia pada tahun sebelumnya iaitu IBM'15. 12 domain dan 58 indikator yang dibangunkan menjadi asas untuk mengukur tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia semasa. Berikut merupakan senarai domain dan indikator tersebut:

1



Domain Pembangunan Kendiri

Pembangunan kendiri merujuk kepada ciri-ciri psikologi dalam diri seseorang yang boleh dibangunkan secara optimum ke arah mencapai sahsiah unggul dan jati diri yang mantap. Di dalam domain ini terkandung tujuh indikator iaitu:

- **Penghargaan Kendiri**
Darjah penghargaan dan pengiktirafan individu terhadap dirinya sendiri/ harga diri.
- **Efikasi Diri**
Kepercayaan individu terhadap kebolehan dan keupayaan untuk menyempurnakan sesuatu tugas dengan baik.
- **Motivasi Pencapaian**
Faktor dorongan dalam diri seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat.
- **Asertif**
Darjah Ketegasan diri seseorang terhadap sesuatu perkara.
- **Daya Tahan (*Resilience*)**
Kemampuan seseorang untuk terus komited dalam melaksanakan sesuatu walaupun menempuh pelbagai cabaran dan halangan.
- **Keagamaan**
Kepercayaan dan manifestasi kepercayaan kepada tuhan, atau sesuatu kuasa ghaib dan sakti yang berupaya bertindak sebagai petunjuk, pembentukan moral dan melahirkan nilai positif.
- **Kecerdasan Emosi**
Keupayaan seseorang untuk mengenal pasti, mengelola serta menguruskan emosi diri dan orang lain dalam pelbagai persekitaran.

2



Domain Hubungan Sosial

Ikatan antara individu dengan individu yang lain. Terdapat tiga indikator yang terkandung di dalam domain ini iaitu:

- **Hubungan dengan Ibu Bapa/ Keluarga**
Keeratan dan perapatan dalam hubungan dengan ibu bapa dan keluarga.

- **Hubungan dengan Masyarakat**

Keeratan dan perapatan dalam hubungan dengan masyarakat.

- **Hubungan dengan Rakan**

Keeratan dan perapatan dalam hubungan dengan rakan-rakan.

3

Domain Identiti



Identiti merupakan semangat, siri kepercayaan, pegangan, nilai diri, kefahaman yang boleh berupa pemikiran dan tindakan seseorang individu. Domain ini mengandungi lima indikator iaitu:

- **Daya Saing**

Kemampuan untuk bersaing dengan orang lain.

- **Kesukarelaan**

Keinginan dan kesanggupan melakukan sesuatu tugas tanpa mengharapkan sebarang balasan.

- **Patriotisme**

Perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air.

- **Semangat Perpaduan**

Sepakat dan bersatu padu dalam kepelbagaian bangsa.

- **Integriti**

Integriti merangkumi nilai keikhlasan, keterbukaan, ketulusan, amanah, benar, beretika, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, menepati janji.

4

Domain Potensi Diri



Kekuatan dan kemampuan dalam diri individu yang boleh diserlahkan. Domain ini mengandungi lima indikator:

- **Kepimpinan**

Keupayaan untuk memimpin, bijak membuat keputusan dan mengendalikan sesuatu yang sukar.

- **Sensitiviti/keprihatinan**

Keprihatinan terhadap nilai dan budaya masyarakat serta penjagaan alam sekitar.

- **Berdaya Upaya**

Mempunyai kebolehan dan keupayaan dalam mendorong seseorang untuk sesuatu yang lebih baik.

- **Daya Keusahawanan (*Entrepreneurial*)**

Kebolehan mencari, mengenal pasti dan merebut peluang serta ruang.

- **Kreatif**

Kemampuan, kebolehan dan keupayaan mencetuskan idea baru, asli dan mengimplementasikan idea ke arah yang lebih baik.

5

Domain Kesihatan



Bebas atau tidak mengalami penyakit yang dikaitkan dengan gaya hidup dan pemakanan serta aspek kesihatan mental dan fizikal. Domain ini mengandungi tujuh indikator iaitu:

- **Tiada Tekanan**
Keupayaan menangani ketegangan.
- **Tiada Kebimbangan**
Tiada perasaan bimbang terhadap sesuatu perkara.
- **Tiada Kemurungan**
Keupayaan mengatasi perasaan murung disebabkan sesuatu perkara.
- **Tiada Kecenderungan Bunuh Diri**
Tiada keinginan untuk menamatkan hayat
- **Persepsi Terhadap Berat Badan**
Pandangan individu terhadap berat badan diri sendiri.
- **Bebas Merokok**
Tidak merokok.
- **Gaya Pemakanan Seimbang**
Cara amalan pemakanan individu yang seimbang.

6

Domain Pendidikan



Pencapaian akademik tertinggi seseorang, tahap penguasaan dalam membaca, menulis dan mengira serta penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum. Terdapat tiga indikator yang mengukur domain ini iaitu:

- **Pencapaian pendidikan**
Tahap pencapaian akademik tertinggi individu.
- **Ko-kurikulum**
Penglibatan dalam aktiviti persatuan dan sukan semasa di institusi pendidikan.
- **Literasi pendidikan/ Kurikulum**
Penguasaan dan kemahiran dalam membaca, menulis dan mengira.

7

Domain Kesejahteraan Ekonomi



Tahap ekonomi seseorang yang menggambarkan sejauh mana kedudukan kewangannya. Terdapat lima indikator yang mengukur domain ini iaitu:

- **Jaminan Kewangan**
Keadaan di mana seseorang itu mempunyai perancangan kewangan yang teliti iaitu simpanan atau pelaburan yang membolehkan beliau melalui umur persaraan tanpa perasaan risau.
- **Bebas Hutang**
Kebolehan untuk mengekalkan gaya hidup yang selesa dan pada masa yang sama mempunyai simpanan masa depan serta mengelak daripada bebanan hutang.
- **Literasi Kewangan**
Kebolehan menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan sumber kewangan secara berkesan bagi mencapai kesejahteraan kewangan.
- **Kebolehpekerjaan**
Keupayaan untuk mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan.
- **Pegajian**
Pendapatan yang diperoleh oleh seseorang daripada majikan yang merupakan ganjaran ke atas perkhidmatan yang diberikannya.

8

Domain Keselamatan



Perasaan selamat ketika bersama ahli keluarga, jiran dan komuniti sekitar serta keselamatan ketika menggunakan internet. Terdapat dua indikator yang diukur dalam menggambarkan domain tersebut:-

- **Keselamatan Diri dan Persekitaran**
Berasa aman dan bebas daripada rasa takut.
- **Keselamatan Ketika Menggunakan Internet**
Rasa selamat ketika menggunakan teknologi digital termasuk transaksi kewangan.

9

Domain Sosialisasi Politik



Keterlibatan dalam aktiviti politik. Terdapat tiga indikator yang diukur dalam menggambarkan domain ini.

- **Penyertaan Dalam Aktiviti Politik**
Menceburi aktiviti yang berkaitan politik termasuk mengundi, menghadiri ceramah politik dan aktif dalam parti politik.

- **Mengikuti Perkembangan Aktiviti Politik**

Sentiasa mendapatkan maklumat terkini mengenai politik.

- **Perbincangan Isu Berkaitan Politik**

Perbincangan mengenai isu politik bersama rakan, keluarga, rakan siber, guru dan lain-lain.

10

Domain Penggunaan Media



Merujuk kepada capaian dan penggunaan media. Domain ini mengandungi satu indikator iaitu:

- **Penggunaan media**

Kekerapan penggunaan media cetak dan media elektronik.

11

Domain Waktu Senggang



Kegiatan individu pada masa lapang meliputi Kegiatan aktiviti sukan, hobi, rekreasi, hiburan, persatuan dan keagamaan. Domain ini mengandungi dua indikator iaitu:

- **Penglibatan Aktiviti Sukan**

Aktiviti fizikal yang dilakukan bagi pelbagai tujuan untuk pertandingan, keseronokan

- **Penggunaan Masa Senggang**

Kekerapan aktiviti berdasarkan minat seperti hobi, aktiviti rekreasi, hiburan, penglibatan bersatu dan aktiviti kerohanian/keagamaan.

12

Domain Bebas Tingkahlaku Berisiko



Domain ini didefinisikan sebagai belia yang mempunyai potensi untuk terlibat dalam aktiviti salah laku. Terdapat 15 indikator dalam domain ini iaitu meliputi:

- | | |
|--|--|
| • Melakukan Penderaan/Keganasan Rumah Tangga | • Mengambil Dadah/Bahan Terlarang |
| • Membawa Senjata | • Mengedar Dadah/ Bahan Terlarang |
| • Memeras Ugut | • Minum Arak |
| • Mencuri Hak Milik Orang Lain | • Mengadakan Hubungan Seks Luar Nikah/ Sebelum Berkahwin |
| • Mencederakan Orang Lain | • Mengadakan Hubungan Seks Sesama Jantina |
| • Terlibat Dalam Gangsterism | • Berjudi |
| • Merosakkan Harta Benda Awam/Vandalisme | • Terlibat Dengan Jenayah Siber (Menggodam, Cetak Rompak, Dll) |
| • Lumba Motor Haram (Merempit) | |

Pencapaian Skor
Indeks Belia
Malaysia Bagi Tahun
2015 & 2016




PENCAPAIAN SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA BAGI TAHUN 2015 DAN 2016

Skor Penilaian *Outcome* Indeks Belia Malaysia 2016 (IBM'16) dikira berdasarkan purata daripada jumlah skor 12 domain. Seperti indeks sebelum ini, skor domain pula dikira berdasarkan purata daripada jumlah skor indikator pada setiap domain. Pencapaian domain pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

Pencapaian Skor Indeks Belia Malaysia bagi Tahun 2015 dan 2016.

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
	Keseluruhan Skor IBM'16	70.22	Sederhana	71.21	Sederhana
1	Domain Bebas Tingkahlaku Devian	89.45	Sangat Memuaskan	91.31	Sangat Memuaskan
2	Domain Hubungan Sosial	78.18	Memuaskan	78.06	Memuaskan
3	Domain Kesihatan	68.42	Sederhana	76.59	Memuaskan
4	Domain Aktiviti Waktu Senggang	81.02	Sangat Memuaskan	76.14	Memuaskan
5	Domain Pendidikan	71.22	Sederhana	73.86	Sederhana
6	Domain Pembangunan Kendiri	72.60	Sederhana	73.80	Sederhana
7	Domain Keselamatan	70.82	Sederhana	71.13	Sederhana
8	Domain Identiti	69.14	Sederhana	69.71	Sederhana
9	Domain Potensi Diri	68.13	Sederhana	68.37	Sederhana
10	Domain Penggunaan Media	73.59	Sederhana	68.12	Sederhana
11	Domain Kesejahteraan Ekonomi	54.26	Kurang Memuaskan	58.05	Kurang Memuaskan
12	Domain Sosialisasi Politik	45.82	Tidak Memuaskan	49.35	Tidak Memuaskan

Pencapaian Skor Indeks Belia Malaysia bagi Tahun 2015 dan 2016



Berdasarkan jadual 1 dan rajah 4 di atas, Secara keseluruhannya pencapaian tahap kualiti dan kesejahteraan belia Malaysia pada tahun 2016 berada di tahap yang **Sederhana**. Pencapaian tahap ini adalah sama seperti pencapaian pada tahun 2015 melalui IBM'15. Nilai skor pada tahun 2016 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.99 iaitu dengan pencapaian nilai skor 71.21 berbanding pada tahun 2015 dengan catatan skor 70.22.

Pada tahun 2016, terdapat satu domain yang berada pada tahap Sangat Memuaskan iaitu Domain Bebas Tingkahlaku Devian dengan catatan nilai skor 91.31. Manakala sebanyak tiga domain berada pada tahap Memuaskan iaitu Domain Hubungan Sosial (78.06), Domain Kesihatan (76.59), dan Domain Aktiviti Waktu Senggang (76.14).

Seterusnya, terdapat enam domain mencapai tahap sederhana iaitu Domain Pendidikan (Skor:73.86), Domain Pembangunan Kendiri (Skor:73.80), Domain Keselamatan (Skor:71.13), Domain Identiti (Skor:69.71), Domain Potensi Diri (Skor:68.37) dan Domain Penggunaan Media (Skor:68.12).

Tahap kualiti dan kesejahteraan belia Malaysia pada tahun 2016 berada di tahap yang sederhana (skor 71.21) dengan peningkatan sebanyak 0.99 berbanding pencapaian pada tahun 2015 (skor 70.22)

Terdapat dua domain yang berada pada nilai skor terendah iaitu Domain Kesejahteraan Enonomi dengan catatan skor 58.05 pada tahap yang Kurang Memuaskan dan Domain Sosialisasi Politik dengan catatan skor 49.35 yang berada pada tahap yang Tidak Memuaskan.

Jika diteliti berdasarkan perbandingan pencapaian ke atas 12 domain tersebut, hasil kajian mendapati, terdapat tiga domain menunjukkan penurunan berbanding pencapaian tahun sebelumnya iaitu Domain Hubungan Sosial penurunan sebanyak 0.12 skor, Domain Penggunaan Media penurunan sebanyak 5.47 skor dan Domain Waktu Senggang dengan penurunan sebanyak 4.88 skor. Manakala sembilan domain yang lain menunjukkan peningkatan nilai skor daripada tahun sebelumnya.

PERBANDINGAN PENCAPAIAN 12 DOMAIN DAN 58 INDIKATOR BAGI TAHUN 2016 DAN 2015

Perbandingan Skor IBM'15 dan Penilaian *Outcome* IBM'2016

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
	Keseluruhan Skor	70.22	Sederhana	71.21	Sederhana
1	Domain Pembangunan Kendiri	72.60	Sederhana	73.80	Sederhana
	i. Penghargaan Kendiri	69.94	Sederhana	70.36	Sederhana
	ii. Efikasi Kendiri	71.96	Sederhana	73.56	Sederhana
	iii. Motivasi Pencapaian	79.04	Memuaskan	79.81	Memuaskan
	iv. Asertif	64.85	Sederhana	65.36	Sederhana
	v. Daya Tahan (<i>Resilient</i>)	74.74	Sederhana	75.05	Memuaskan
	vi. Keagamaan (<i>Religious</i>)	72.72	Sederhana	77.74	Memuaskan
	vii. Kecerdasan Emosi (EQ)	74.93	Sederhana	74.73	Sederhana
2	Domain Hubungan Sosial	78.18	Memuaskan	78.06	Memuaskan
	i. Hubungan Dengan Ibu Bapa/ Keluarga	84.26	Sangat Memuaskan	85.78	Sangat Memuaskan
	ii. Hubungan Dengan Masyarakat	72.13	Sederhana	70.30	Sederhana
	iii. Hubungan Dengan Rakan	78.15	Memuaskan	78.11	Memuaskan
3	Domain Identiti	69.14	Sederhana	69.71	Sederhana
	i. Daya Saing	67.99	Sederhana	64.80	Sederhana
	ii. Kesukarelawanan	60.60	Sederhana	61.97	Sederhana
	iii. Patriotisme	60.16	Sederhana	61.58	Sederhana
	iv. Semangat Perpaduan	77.86	Memuaskan	79.69	Memuaskan
	v. Integriti	79.07	Memuaskan	80.53	Sangat Memuaskan
4	Domain Potensi Diri	68.13	Sederhana	68.37	Sederhana
	i. Kepimpinan	69.85	Sederhana	69.30	Sederhana

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
	Keseluruhan Skor	70.22	Sederhana	71.21	Sederhana
5	ii. Sensitiviti /Keprihatinan	70.82	Sederhana	72.59	Sederhana
	iii. Berdaya Upaya	68.47	Sederhana	67.67	Sederhana
	iv. Keusahawanan	62.95	Sederhana	64.36	Sederhana
	v. Kreatif	68.58	Sederhana	67.92	Sederhana
	Domain Kesihatan	68.42	Sederhana	76.59	Memuaskan
	i. Tiada Tekanan	69.67	Sederhana	72.00	Sederhana
	ii. Tiada Kebimbangan	76.18	Memuaskan	78.76	Memuaskan
	iii. Tiada Kemurungan	79.90	Memuaskan	82.93	Sangat Memuaskan
	iv. Tiada Kecenderungan Bunuh Diri	97.86	Sangat Memuaskan	97.52	Sangat Memuaskan
	v. Persepsi Terhadap Berat Badan	60.47	Sederhana	69.08	Sederhana
	vi. Bebas Merokok	51.31	Kurang Memuaskan	77.65	Memuaskan
	vii. Amalan Pemakanan	43.52	Tidak Memuaskan	58.23	Kurang Memuaskan
6	Domain Pendidikan	71.22	Sederhana	73.86	Sederhana
7	i. Pencapaian Pendidikan	68.86	Sederhana	69.49	Sederhana
	ii. Literasi Pendidikan/Kurikulum	70.75	Sederhana	77.24	Memuaskan
	iii. Kokurikulum	74.06	Sederhana	74.85	Sederhana
	Domain Kesejahteraan Ekonomi	54.26	Kurang Memuaskan	58.05	Kurang Memuaskan
	i. Jaminan Kewangan	48.67	Tidak Memuaskan	49.26	Tidak Memuaskan
	ii. Literasi Kewangan	71.76	Sederhana	75.70	Memuaskan
	iii. Bebas hutang	49.85	Tidak Memuaskan	68.59	Sederhana
	iv. Pegajian	39.29	Sangat Tidak Memuaskan	39.03	Sangat Tidak Memuaskan
	v. Kebolehpkerjaan	61.75	Sederhana	57.65	Kurang Memuaskan
8	Domain Keselamatan	70.82	Sederhana	71.13	Sederhana
9	i. Keselamatan Diri Dan Persekitaran	64.88	Sederhana	66.12	Sederhana
	ii. Keselamatan Penggunaan Internet	76.76	Memuaskan	76.13	Memuaskan
	Domain Sosialisasi Politik	45.82	Tidak Memuaskan	49.35	Tidak Memuaskan
	i. Penyertaan Dalam Aktiviti Politik (Termasuk Kecenderungan Terhadap Parti)	42.75	Tidak Memuaskan	43.84	Tidak Memuaskan

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
	Keseluruhan Skor	70.22	Sederhana	71.21	Sederhana
	ii. Mengikuti Perkembangan Politik	46.41	Tidak Memuaskan	58.93	Kurang Memuaskan
	iii. Perbincang Mengenai Isu Politik	48.29	Tidak Memuaskan	45.27	Tidak Memuaskan
10	Domain Penggunaan Media	73.59	Sederhana	68.12	Sederhana
	i. Kekerapan Guna Media	73.59	Sederhana	68.12	Sederhana
11	Domain Aktiviti Waktu Senggang	81.02	Sangat Memuaskan	76.14	Memuaskan
	i. Penggunaan Aktiviti Sukan	68.74	Sederhana	75.59	Memuaskan
	ii. Penggunaan Masa Senggang	93.29	Sangat Memuaskan	76.69	Memuaskan
12	Domain Bebas Tingkahlaku Devian	89.45	Sangat Memuaskan	91.31	Sangat Memuaskan
	i. Tidak Melakukan Penderaan/ Keganasan Rumah Tangga	89.47	Sangat Memuaskan	92.00	Sangat Memuaskan
	ii. Tidak Membawa Senjata	89.32	Sangat Memuaskan	91.75	Sangat Memuaskan
	iii. Tidak Memeras Ugut	89.72	Sangat Memuaskan	92.25	Sangat Memuaskan
	iv. Tidak Mencuri Hak Milik Orang Lain	88.96	Sangat Memuaskan	91.25	Sangat Memuaskan
	v. Tidak Mencederakan Orang Lain	88.82	Sangat Memuaskan	91.00	Sangat Memuaskan
	vi. Tidak Terlibat Dalam Gangsterism	88.85	Sangat Memuaskan	91.50	Sangat Memuaskan
	vii. Tidak Merosakkan Harta Benda Awam/Vandalisme	88.68	Sangat Memuaskan	91.00	Sangat Memuaskan
	viii. Tidak Lumba Motor Haram (Merempit)	87.40	Sangat Memuaskan	90.00	Sangat Memuaskan
	ix. Tidak Mengambil Dadah / Bahan Terlarang	90.21	Sangat Memuaskan	92.75	Sangat Memuaskan
	x. Tidak Mengedar Dadah / Bahan Terlarang	90.32	Sangat Memuaskan	92.35	Sangat Memuaskan
	xi. Tidak Minum Arak	89.93	Sangat Memuaskan	88.42	Sangat Memuaskan
	xii. Tidak Mengadakan Hubungan Seks Luar Nikah/ Sebelum Berkahwin	89.45	Sangat Memuaskan	91.10	Sangat Memuaskan
	xiii. Tidak Mengadakan Hubungan Seks Sesama Jantina	90.36	Sangat Memuaskan	93.25	Sangat Memuaskan
	xiv. Tidak Berjudi	90.24	Sangat Memuaskan	89.37	Sangat Memuaskan
	xv. Tidak Terlibat Dengan Jenayah Siber (Menggodam, Cetak Rompak, Dll)	89.96	Sangat Memuaskan	91.63	Sangat Memuaskan

Domain **Pembangunan Kendiri**



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016


Pembangunan Kendiri

Domain Pembangunan Kendiri merangkumi tujuh indikator iaitu Penghargaan Kendiri, Efikasi Kendiri, Motivasi Pencapaian, Asertif, Daya Tahan, Keagamaan dan Kecerdasan Emosi. Nilai skor yang tinggi melambangkan kemantapan dan kekuatan psikologikal, mental dan sahsiah dalam diri belia. Secara keseluruhannya, pencapaian belia pada tahun 2016 menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun sebelumnya iaitu dengan nilai skor 73.80 berada di tahap yang sederhana. Perincian pencapaian indikator bagi domain adalah seperti di Jadual 3 dan Rajah 5:

Jadual Domain Pembangunan Kendiri

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
Domain Pembangunan Kendiri		72.60	Sederhana	73.80	Sederhana
1	Motivasi Pencapaian	79.04	Memuaskan	79.81	Memuaskan
2	Keagamaan (<i>Religious</i>)	72.72	Sederhana	77.74	Memuaskan
3	Daya Tahan (<i>Resilient</i>)	74.74	Sederhana	75.05	Memuaskan
4	Kecerdasan Emosi (EQ)	74.93	Sederhana	74.73	Sederhana
5	Efikasi Kendiri	71.96	Sederhana	73.56	Sederhana
6	Penghargaan Kendiri	69.94	Sederhana	70.36	Sederhana
7	Asertif	64.85	Sederhana	65.36	Sederhana

Rajah Domain Pembangunan Kendiri



Berdasarkan Jadual 3 dan Rajah 5 di atas, pencapaian terhadap indikator ini memberi gambaran bahawa perhatian serius perlu diberikan oleh pemegang taruh dalam menguruskan sumber belia ke tahap yang lebih baik.

Hasil dapatan boleh dirumuskan bahawa:

- Pada tahun 2016, terdapat tiga indikator menunjukkan pencapaian di tahap yang memuaskan iaitu indikator Motivasi Pencapaian (79.81), Keagamaan (77.74), dan Daya Tahan (75.05). Manakala selebihnya empat indikator pula, menunjukkan pencapaian di tahap yang sederhana iaitu indikator Kecerdasan Emosi (74.73), Efikasi Kendiri (73.56), Penghargaan Kendiri (70.36) dan Asertif (65.36).
- Empat indikator yang berada di tahap sederhana ini memberi gambaran bahawa golongan belia masih memerlukan kemahiran dari segi pengurusan emosi, kepercayaan terhadap kebolehan diri, serta ketegasan kendiri.
- Indikator keagamaan pula mencatatkan peningkatan tertinggi dalam domain ini iaitu peningkatan sebanyak 5.02 skor. Dapatan ini menunjukkan nilai pegangan dan amalan keagamaan menjadi tunjang dalam diri belia di Malaysia.

- Dari segi perbandingan mengikut indikator bagi tahun 2015 dan 2016, hasil dapatan menunjukkan bahawa hanya satu indikator sahaja menunjukkan penurunan pada nilai skor iaitu bagi indikator Kecerdasan Emosi, di mana nilai skor bagi tahun 2016 mencatatkan 74.73 berbanding tahun sebelumnya iaitu 74.93 dengan penurunan sebanyak 0.20 skor. Dapatan ini menunjukkan pengawalan diri khususnya melibatkan pengurusan emosi dalam kalangan belia sedikit menurun berbanding pada tahun sebelumnya.
- Justeru itu, semua pemegang taruh belia perlu memberi perhatian yang khusus terhadap pencapaian indikator dalam domain ini, hal ini kerana kesemua indikator dalam domain ini merupakan elemen aset diri yang sangat penting. Kesemua indikator dalam domain ini menggambarkan kekuatan dalam diri belia dan perlu diserlahkan ke tahap yang optima dalam melengkapi belia yang mampu mendepani cabaran pada masa akan datang.
- Sinergi antara pihak Kementerian, Kerajaan Negeri, pemimpin belia dan pemegang taruh yang berkaitan perlu dipertingkatkan dengan melaksanakan pelbagai program yang lebih strategik dan konsisten agar elemen positif diri belia dibangunkan dalam mencapai sahsiah yang unggul dan mantap.

Domain **Hubungan Sosial**



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016

Hubungan Sosial

Domain Hubungan Sosial mengukur hubungan serta interaksi antara belia dengan Ibu bapa/keluarga, Masyarakat dan Rakan. Terdapat tiga indikator yang diukur dalam domain ini. Pada tahun 2016, Pencapaian bagi domain ini berada di tahap yang memuaskan dengan catatan nilai skor sebanyak 78.06. Walau bagaimanapun, pencapaian domain ini menunjukkan sedikit penurunan berbanding pencapaian nilai skor pada tahun 2015 dengan penurunan sebanyak 0.12.


Analisa mengikut indikator menunjukkan bahawa wujud hubungan/perapatan yang baik antara belia dengan ibu bapa, di mana tahap pencapaiannya berada di tahap yang sangat memuaskan iaitu 85.78. Indikator hubungan belia dengan rakan pula berada di tahap yang memuaskan dengan nilai skor 78.11. Indikator hubungan dengan masyarakat pula berada di tahap yang terendah dalam domain ini di mana pencapaiannya di tahap yang sederhana dengan nilai skor 70.30.

Dapatan ini memberi petunjuk serta isyarat bahawa terdapat jurang antara hubungan belia dengan masyarakat atau komuniti. Analisa terperinci menunjukkan antara faktor yang menyebabkan skor tersebut menurun adalah disebabkan oleh kurangnya penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan atau komuniti seperti aktiviti gotong-royong dan sebagainya. Terdapat juga responden yang menyatakan mereka tidak mengenali jiran mereka dan secara tidak langsung jaringan hubungan dengan masyarakat rendah.

Jadual Domain Hubungan Sosial

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
	Domain Pembangunan Kendiri	72.60	Sederhana	73.80	Sederhana
1	Hubungan Dengan Ibu Bapa/ Keluarga	84.26	Sangat Memuaskan	85.78	Sangat Memuaskan
2	Hubungan Dengan Rakan	78.15	Memuaskan	78.11	Memuaskan
3	Hubungan Dengan Masyarakat	72.13	Sederhana	70.30	Sederhana

Rajah Domain Hubungan Sosial



Berdasarkan skor indikator dalam Jadual 4 dan Rajah 6 di atas , beberapa rumusan dapat dibuat seperti berikut:

- Skor untuk hubungan dengan ibu bapa (keluarga) menunjukkan peningkatan sebanyak 1.52 iaitu daripada 84.26 pada tahun 2015 kepada 85.78 pada tahun 2016. Keadaan ini menunjukkan petanda yang sangat positif dalam perapatan belia dan ibu bapa (keluarga). Ia memberi indikasi bahawa golongan belia masih memerlukan sokongan daripada ibu bapa/keluarga dalam kehidupan mereka. Oleh itu prestasi kualiti hubungan dalam indikator ini perlu dikekalkan dan dipertingkatkan skor pada masa akan datang.
- Skor hubungan antara belia dan rakan pula menunjukkan penurunan sebanyak 0.04, di mana pencapaian pada tahun 2016 mencatatkan skor 78.11 dan 78.15 pada tahun 2015. Walau bagaimanapun pencapaian masih berada di tahap yang memuaskan.
- Skor bagi domain hubungan dengan masyarakat turut menunjukkan penurunan sebanyak 1.83 berbanding pencapaian pada tahun 2015. Indikator bagi Domain ini berada di tahap yang terendah berbanding indikator yang lain.
- Secara keseluruhannya, belia Malaysia dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik untuk jaringan dalaman, iaitu keluarga dan rakan berbanding dengan jaringan luaran yang melibatkan masyarakat secara meluas.
- Perancangan program berbentuk “*Asset Based Community Development (ABCD)*” perlu dilaksanakan dengan lebih strategik dan menyeluruh agar dapat mewujudkan peranan belia dalam komuniti mereka. Ia secara tidak langsung meluaskan rangkaian hubungan dan menggalakkan keterlibatan dan sumbangan belia kepada komuniti.

Domain **Identiti**



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016

Identiti


Domain Identiti merujuk kepada semangat, siri kepercayaan serta pegangan nilai dalam diri. Terdapat lima indikator yang diukur dalam domain ini meliputi indikator Daya Saing, Kesukarelaan, Patriotisme, Semangat Perpaduan dan Integriti.

Secara keseluruhannya, tahap pencapaian domain identiti pada tahun 2016 berada di tahap yang sederhana dengan nilai skor 69.71. Pencapaian skor domain ini turut menunjukkan peningkatan skor sebanyak 0.58 berbanding tahun sebelumnya pada tahun 2015. Berdasarkan kepada pencapaian mengikut indikator, nilai skor tertinggi adalah indikator integriti dengan pencapaian skor sebanyak 80.53 iaitu berada di tahap yang sangat memuaskan. Diikuti dengan indikator semangat perpaduan yang berada di tahap memuaskan dengan nilai skor 79.69. manakala tiga indikator iaitu Daya Saing, Kesukarelaan dan Patriotisme berada di tahap sederhana seperti pencapaian pada tahun sebelumnya.

Jadual Domain Identiti

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
Domain Identiti		69.14	Sederhana	69.71	Sederhana
1	Integriti	79.07	Memuaskan	80.53	Sangat Memuaskan
2	Semangat Perpaduan	77.86	Memuaskan	79.69	Memuaskan
3	Daya Saing	67.99	Sederhana	64.80	Sederhana
4	Kesukarelawananan	60.60	Sederhana	61.97	Sederhana
5	Patriotisme	60.16	Sederhana	61.58	Sederhana

Rajah Domain Identiti



Berdasarkan skor indikator dalam domain identiti dapat dibuat kesimpulan bahawa:

- Indikator Integriti menunjukkan pencapaian nilai tertinggi berbanding indikator yang lain dengan skor 80.53, di tahap sangat memuaskan. Skor indikator ini turut menunjukkan peningkatan sebanyak 1.46 berbanding pada tahun 2015 iaitu 79.07 (Memuaskan).
- Walaupun dapatan ini sesuatu yang boleh dibanggakan, namun dalam beberapa aspek lain seperti Daya Saing, Kesukarelaan dan Semangat patriotisme masih lagi berada pada tahap yang Sederhana dengan skor masing-masing iaitu 64.80, 61.97 dan 61.58.
- Indikator Daya Saing menunjukkan penurunan sebanyak 3.19 berbanding pada tahun sebelumnya. Indikator ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berkepentingan dalam mensiapsiagakan golongan belia yang mampu menepati cabaran dan keperluan semasa dan akan datang.
- Indikator kesukarelawanan dan patriotisme pula memberi isyarat yang membimbangkan kerana dalam usaha untuk menuju negara minda kelas pertama pada tahun 2050, maka nilai kesukarelaan dan nilai patriotisme yang tinggi perlu diterapkan seiring dengan agenda pembangunan negara. Bagi menjayakan agenda kesukarelawanan negara, usaha bersepadu dalam melibatkan golongan belia untuk menjayakan agenda kesukarelaan seperti misi bencana, aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti lain yang bersesuaian mesti dilaksanakan. Selain itu, dicadangkan agar latihan/kursus tentang teori, amalan kesukarelawanan, khidmat nasihat/ bimbingan, dan lain-lain berkaitan mesti diatur dan diusahakan segera melibatkan seawal usia persekolahan agar “kesukarelaan” menjadi satu budaya dalam diri belia dan secara tidak langsung menjadi citra dalam diri mereka.
- Secara keseluruhan, pencapaian domain ini memberi gambaran bahawa belia Malaysia masih lagi mengekalkan identiti mereka sebagai rakyat Malaysia, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan dilakukan khususnya yang melibatkan indikator Patriotisme, Kesukarelaan dan Daya Saing.

Domain **Potensi** Diri



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016

Potensi Diri


Domain Potensi Diri belia dipantau melalui lima indikator iaitu Sensitiviti/keprihatinan, kepimpinan, Kreatif, Berdaya Upaya dan Keusahawanan. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi domain potensi diri berada di tahap Sederhana dengan nilai skor 68.37. Domain ini menunjukkan peningkatan skor sebanyak 0.23 berbanding dengan pencapaian pada tahun 2015 iaitu 68.13.

Potensi diri merujuk kepada kekuatan dan kemampuan dalam diri individu. Domain ini merupakan elemen terpenting dalam pembangunan belia positif yang memberi penekanan kepada usaha mencungkil bakat, potensi dan aset yang boleh diserlahkan ke tahap yang optima. Secara keseluruhannya, pencapaian indikator dalam Domain Potensi Diri pada tahun 2016 berada di tahap sederhana dengan nilai skor 68.37 dengan peningkatan sebanyak 0.24 berbanding tahun sebelumnya pada tahun 2015 . Perincian pencapaian skor adalah seperti Jadual 6 dan Rajah 8 di bawah.

Jadual Domain Hubungan Sosial

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
Domain Potensi Diri		68.13	Sederhana	68.37	Sederhana
1	Sensitiviti /Keprihatinan	70.82	Sederhana	72.59	Sederhana
2	Kepimpinan	69.85	Sederhana	69.30	Sederhana
3	Kreatif	68.58	Sederhana	67.92	Sederhana
4	Berdaya Upaya	68.47	Sederhana	67.67	Sederhana
5	Keusahawanan	62.95	Sederhana	64.36	Sederhana

Rajah Domain Potensi Diri



Berdasarkan kepada pencapaian skor bagi lima indikator dalam Domain Potensi Diri, dapat dirumuskan bahawa:

- Indikator Sensitiviti/ Keprihatinan menunjukkan pencapaian yang tertinggi berbanding indikator lain iaitu 72.59, ini diikuti Kepimpinan 69.30, Kreatif 67.92, Berdaya Upaya 67.67 dan yang terakhir sekali indikator Keusahawanan dengan nilai skor 64.36.
- Terdapat tiga indikator dalam domain ini menunjukkan sedikit penurunan nilai skor berbanding tahun sebelumnya iaitu indikator kepimpinan (penurunan 0.55), kreatif (penurunan 0.66) dan berdaya upaya (penurunan 0.80).
- Ketiga-tiga indikator tersebut perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pelbagai pihak, kerana indikator tersebut merupakan elemen penting dalam mencorak potensi belia yang berkualiti.

Secara keseluruhannya, pencapaian indikator dalam Domain Potensi Diri pada tahun 2016 berada di tahap sederhana dengan nilai skor 68.37 dengan peningkatan sebanyak 0.24 berbanding tahun sebelumnya pada tahun 2015

- Potensi keusahawanan berada di tahap terendah dalam domain ini. Keadaan ini merupakan isyarat kepada pihak yang berkaitan untuk melipat gandakan usaha bagi memastikan belia Malaysia mendapat bimbingan kemahiran dan program yang berkaitan dengan daya keusahawanan. Penglibatan belia kepada program seumpama ini bagi menyahut seruan kerajaan yang ingin melihat generasi masa hadapan yang berdikari perlu disemai agar ciri keusahawanan dapat berkembang ke tahap yang lebih produktif dan memberi impak kepada masyarakat dan negara.
- Jika diteliti pencapaian skor indikator bagi keusahawanan menunjukkan peningkatan sebanyak 1.41 berbanding pada tahun 2015. Hal ini memberi petanda yang baik atas usaha dan komitmen kerajaan dan bukan kerajaan dalam melaksanakan program-program berbentuk keusahawanan. Pelbagai usaha telah dilakukan dengan memperkenalkan ruang dan platform kepada golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Walau bagaimanapun, dalam mencapai negara maju seiring dengan wawasan negara, maka nilai keusahawanan ini perlu dipertingkatkan.

Domain **Kesihatan**



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016


Kesihatan

Sebanyak tujuh indikator digunakan untuk mengukur indeks Domain Kesihatan. Domain ini merupakan domain yang sangat penting kerana tahap kesihatan yang tidak memuaskan akan memberi kesan langsung ke atas kualiti dan kesejahteraan hidup seseorang. Indikator yang terkandung dalam domain ini meliputi Tekanan, Kebimbangan, Kemurungan, Persepsi Terhadap Berat Badan, Pengambilan Rokok, Bunuh Diri dan Amalan Pemakanan Gaya Hidup Sihat.

Jadual Domain Kesihatan

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
Domain Kesihatan		68.42	Sederhana	76.59	Memuaskan
1	Tiada Kecenderungan Bunuh Diri	97.86	Sangat Memuaskan	97.52	Sangat Memuaskan
2	Tiada Kemurungan	79.90	Memuaskan	82.93	Sangat Memuaskan
3	Tiada Kebimbangan	76.18	Memuaskan	78.76	Memuaskan
4	Bebas Merokok	51.31	Kurang Memuaskan	77.65	Memuaskan
5	Tiada Tekanan	69.67	Sederhana	72.00	Sederhana
6	Persepsi Terhadap Berat Badan	60.47	Sederhana	69.08	Sederhana
7	Amalan Pemakanan gaya hidup sihat	43.52	Tidak Memuaskan	58.23	Kurang Memuaskan

Rajah Domain Kesihatan




Berdasarkan Jadual 7 dan Rajah 9 di atas, skor keseluruhan tahap kesihatan belia Malaysia bagi tahun 2016 berada di tahap memuaskan dengan nilai skor 76.59. Nilai skor bagi domain ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.18 berbanding pencapaian pada tahun 2015 iaitu 68.42.

Berdasarkan kepada pencapaian skor bagi lima indikator dalam Domain Potensi Diri, dapat dirumuskan bahawa:

- Indikator bagi Tiada Kecenderungan Bunuh Diri dan Tiada Kemurungan menunjukkan tahap yang sangat memuaskan. Walau bagaimanapun, jika dilihat secara perbandingan mengikut tahun sebelumnya, bacaan skor menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 0.34. dapatan ini menggambarkan bahawa kecenderungan membunuh diri dalam kalangan belia meningkat tetapi dalam keadaan terkawal. Sehubungan dengan itu, perkara ini perlu di ambil perhatian yang sewajarnya kerana ia berkait rapat dengan isu kesihatan mental. Mengikut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati prevalen masalah kesihatan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas adalah 29.2% (anggaran 4.2 juta). Ini bermaksud 1 dalam 3 masyarakat Malaysia mengalami isu yang berkait dengan masalah mental. Kajian ini turut menunjukkan bahawa prevalen masalah kesihatan mental juga adalah paling tinggi dalam kalangan mereka yang berumur 16-19 tahun (belia awal) dan dalam kalangan golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, tindakan segera perlu dilaksanakan melalui intervensi yang bersesuaian dalam membendung perkara ini sebelum menjadi lebih parah.
- Terdapat dua indikator menunjukkan prestasi di tahap memuaskan iaitu indikator tiada kebimbangan dan bebas merokok. Peningkatan sebanyak 26.34 nilai skor yang tinggi bagi indikator bebas merokok berkait rapat dengan peralihan corak mengambil rokok tembakau kepada e-rokok (*vape*). Walau bagaimanapun terdapat hasil kajian mendapati penggunaan e-rokok (*vape*) turut memberi kesan negatif kepada kesihatan seseorang. Merujuk kepada hasil kajian daripada Konstantinos Farsalinos pakar kardiologi yang diterbitkan di dalam jurnal dalam talian pada Mei 2015 bertajuk “Addiction” mendapati e-rokok generasi ketiga (peranti dengan penggunaan kuasa bateri yang boleh dilaras) mampu menghasilkan “formaldehid” yang boleh menyebabkan kanser, namun ia hanya berlaku dalam keadaan “ekstrem”.
- Selain itu, terdapat dua indikator dalam domain ini menunjukkan pencapaian di tahap yang sederhana iaitu indikator tiada tekanan dan persepsi berat badan. Manakala indikator Amalan Pemakanan Gaya Hidup Sihat pula menunjukkan skor yang kurang memuaskan iaitu 58.23.
- Skor kesihatan ini menunjukkan generasi masa hadapan Malaysia sangat memerlukan bimbingan dan advokasi dalam menjalani gaya hidup yang lebih positif dan proaktif. Pengembeligan tenaga semua pihak iaitu bermula dari institusi keluarga, pihak kerajaan, swasta, media serta kementerian yang berkaitan amat diperlukan bagi menjamin usaha murni ini dapat dijayakan. Adalah dicadangkan agar pihak yang bertanggung jawab dalam mengiklankan gaya hidup sihat agar lebih sensitif dengan keperluan dan kehendak belia setempat. Budaya makanan segera yang semakin mendapat tempat harus diperangi dengan bersungguh-sungguh agar ia tidak terus menjadi amalan dan gaya pemakanan dalam kalangan belia di Malaysia.

Domain **Pendidikan**



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016


Domain Pendidikan

Dalam memberi gambaran pencapaian bagi Domain Pendidikan, sebanyak tiga indikator iaitu Pencapaian Pendidikan, Literasi Pendidikan atau kurikulum dan Kokurikulum digunakan sebagai pengukuran.

Jadual Domain Pendidikan

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
	Domain Pendidikan	71.22	Sederhana	73.86	Sederhana
1	Literasi Pendidikan/Kurikulum	70.75	Sederhana	77.24	Memuaskan
2	Kokurikulum	74.06	Sederhana	74.85	Sederhana
3	Pencapaian Pendidikan	68.86	Sederhana	69.49	Sederhana

Rajah Domain Pendidikan



Berdasarkan analisa yang dijalankan, domain ini mencatatkan nilai skor 73.86 iaitu pada tahap yang sederhana. Pencapaian Pendidikan atau ‘*educational attainment*’ merupakan indikator penting bagi mengukur kesejahteraan individu kerana ianya seringkali dikaitkan dengan kebolehpekerjaan dan juga upah atau gaji diperolehi. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pulangan ‘*return to education*’ bagi pendidikan tertiar adalah lebih tinggi berbanding dengan pulangan pendidikan menengah dan rendah. Dalam konteks pembangunan Indeks Belia pencapaian pendidikan diukur dengan mengambil kira tahap pendidikan yang dicapai oleh belia yang berumur 25 hingga 30 tahun.

Hasil dapatan kajian bagi domain ini boleh dirumuskan seperti berikut:

- Secara keseluruhannya, pencapaian pendidikan pada tahun 2016 berada di tahap sederhana dengan skor 73.86 iaitu berlaku peningkatan sebanyak 2.64 nilai skor berbanding tahun 2015 (skor:71.22).
- Indikator kurikulum atau literasi pendidikan berada pada tahap Memuaskan dengan nilai skor 77.24 iaitu berlaku peningkatan sebanyak 6.49 skor berbanding tahun 2015 (Skor:70.75). Indikator ini yang diukur melalui kemahiran membaca, menulis dan pemahaman (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) serta kemahiran mengira. Hasil analisa turut menunjukkan

tumpuan kepada penguasaan kemahiran Bahasa Inggeris perlu dipertingkatkan kerana pencapaian masih berada pada tahap sederhana berbanding penguasaan bahasa Melayu dan mengira.

- Indikator kokurikulum pada tahun 2016 mencatatkan pencapaian pada tahap sederhana dengan nilai skor 74.85 iaitu berlaku peningkatan sebanyak 0.79 berbanding tahun 2015 iaitu 74.06. Pencapaian ini merujuk kepada keaktifan penglibatan dalam aktiviti persatuan, kelab dan sukan semasa di institusi pendidikan.
- Indikator ketiga bagi domain ini ialah pencapaian pendidikan. Indikator ini merujuk kepada tahap pencapaian akademik yang tertinggi dimiliki oleh responden kajian. Dapatan menunjukkan pada tahun 2016, indikator bagi pencapaian pendidikan berada di tahap sederhana dengan nilai skor 69.49 iaitu berlaku sedikit peningkatan skor sebanyak 0.63 berbanding pencapaian pada tahun 2015 iaitu 68.86.

Domain Kesejahteraan Ekonomi



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016


Kesejahteraan Ekonomi

Domain Kesejahteraan Ekonomi mencatatkan skor kedua terendah daripada 12 domain. Indeks Kesejahteraan Ekonomi menggambarkan sejauh mana kedudukan kewangan seseorang belia. Terdapat lima indikator yang digunakan bagi mengukur Kesejahteraan Ekonomi, iaitu Literasi Kewangan, Bebas Hutang, Kebolehpekerjaan, Jaminan Kewangan dan Pegajian.

Jadual Kesejahteraan Ekonomi

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
Domain Kesejahteraan Ekonomi		54.26	Kurang Memuaskan	58.05	Kurang Memuaskan
1	Literasi Kewangan	71.76	Sederhana	75.70	Memuaskan
2	Bebas hutang	49.85	Tidak Memuaskan	68.59	Sederhana
3	Kebolehpkerjaan	61.75	Sederhana	57.65	Kurang Memuaskan
4	Jaminan Kewangan	48.67	Tidak Memuaskan	49.26	Tidak Memuaskan
5	Pegajian	39.29	Sangat Tidak Memuaskan	39.03	Sangat Tidak Memuaskan

Rajah Kesejahteraan Ekonomi



Hasil dapatan kajian bagi domain ini boleh dirumuskan seperti berikut:

- Berdasarkan penilaian yang dilaksanakan pada tahun 2016 mendapati kesejahteraan ekonomi belia berada pada tahap yang kurang memuaskan iaitu dengan bacaan skor 58.05. Keadaan ini disebabkan oleh bacaan skor yang rendah pada tiga indikator iaitu Kebolehpekerjaan (57.65), Jaminan Kewangan (48.22) dan Pegajian (46.82). Ketiga-tiga indikator saling berkaitan di mana gaji yang rendah akan mempengaruhi kedudukan kewangan dan seterusnya jaminan kewangan akan menjadi lemah. Begitu juga apabila seseorang itu sukar mendapatkan pekerjaan, maka ia secara tidak langsung memberi kesan kepada Pegajian dan Jaminan Kewangan seperti tahap simpanan rendah, tiada pelan perlindungan hayat seperti insurans dan sebagainya.
- Indikator kebolehpekerjaan mencatatkan penurunan nilai skor sebanyak 4.10 berbanding pencapaian sebelum ini menunjukkan bahawa isu pekerjaan merupakan satu isu yang kritikal dan perlu diberi perhatian sewajarnya. Pihak kerajaan perlu meneliti dan membuat kajian terperinci berhubung isu ini agar resolusi terbaik dapat dilaksanakan. Dicadangkan agar program keusahawanan dan kemahiran diperkasa bagi mengurangkan kebergantungan belia bekerja dalam sektor awam dan swasta.
- Selain daripada itu, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi perlu diperkukuhkan. Sistem TVET perlu diharmonikan dan diperkemas untuk mengurangkan ketidakseragaman merentasi institusi TVET awam dan swasta. Program dan intervensi untuk menggalakkan TVET yang diterajui oleh industri perlu dilaksanakan bagi memastikan graduan TVET selaras dengan keperluan industri semasa (RMK-11, Jabatan Perdana Menteri).
- Walaupun literasi kewangan atau kesedaran terhadap pengurusan kewangan mencatatkan bacaan skor yang memuaskan, namun program pendidikan perlu diteruskan serta menjadikan pendidikan kewangan sebagai pembelajaran sepanjang hayat iaitu bermula dan pendidikan di peringkat sekolah rendah lagi.
- Dapatan nilai keseluruhan skor domain ini memberi isyarat bahawa pelbagai inisiatif perlu disusun dan diatur bagi meningkatkan tahap ekonomi belia Malaysia dalam menghadapi cabaran ekonomi yang lebih besar pada masa akan datang.

Domain **Keselamatan**



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016


Keselamatan

Domain Keselamatan merujuk kepada perasaan selamat ketika bersama ahli keluarga, jiran/ komuniti sekitar dan keselamatan ketika menggunakan Internet. Terdapat dua indikator yang diukur dalam menggambarkan domain ini iaitu Keselamatan Diri dan Persekitaran, serta Keselamatan Ketika Menggunakan Internet.

Jadual Domain Keselamatan

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
	Domain Keselamatan	70.82	Sederhana	71.13	Sederhana
1	Keselamatan Penggunaan Internet	76.76	Memuaskan	76.13	Memuaskan
2	Keselamatan Diri dan Persekitaran	64.88	Sederhana	66.12	Sederhana

Rajah Domain Keselamatan




Hasil dapatan kajian bagi domain ini boleh dirumuskan seperti berikut:

- Secara keseluruhannya, pencapaian Domain Keselamatan menunjukkan pencapaian di tahap yang sederhana dengan nilai skor 71.23 pada tahun 2016. Nilai skor ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.31 berbanding tahun 2015 dengan catatan skor 70.82.
- Peningkatan skor domain keselamatan disumbangkan oleh indikator keselamatan diri dan persekitaran di mana peningkatan sebanyak 1.24 nilai skor kepada 66.12 bagi tahun 2016 berbanding 64.88 pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, skor bagi indikator ini masih berada di tahap sederhana yang membawa gambaran wujud rasa bimbang terhadap keselamatan persekitaran mereka. Hasil analisa deskriptif menunjukkan sebanyak 39.3% belia menyatakan kes kecurian sering berlaku di kawasan komuniti mereka, manakala 22.8% pula menyatakan kes ragut merupakan perkara biasa di kawasan mereka.
- Tidak dinafikan bahawa pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa melalui aktiviti rondaan yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), RELA, dan sebagainya. Namun, program berbentuk kesedaran keselamatan komuniti perlu dipertingkatkan. Pendedahan seumpama ini sangat penting dalam memberi pendidikan keselamatan bagi langkah-langkah awal yang perlu diambil untuk mengelakkan diri daripada mangsa jenayah.

- Nilai skor bagi Indikator Keselamatan Menggunakan Internet menunjukkan pencapaian tahap memuaskan dengan nilai skor 76.13 pada tahun 2016. Namun berlaku sedikit penurunan sebanyak 0.63 pada indikator ini berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian skor ini memberi indikasi bahawa belia Malaysia masih peka terhadap keselamatan siber. Dicadangkan agar program berbentuk literasi ICT dalam membendung ancaman keselamatan ICT dilaksanakan di bawah Kementerian. Program seumpama ini perlu bagi melahirkan golongan belia yang mempunyai sifat “Tabayyun” (selidik dan meneliti) terhadap kesahihan kandungan dan maklumat di dalam internet atau siber maya sebelum menerima, diaplikasi atau disebarkan kepada orang lain.

Domain **Sosialisasi Politik**



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016


Sosialisasi Politik

Domain ini mengukur penglibatan belia dalam politik. Terdapat tiga indikator yang diukur dalam domain ini merangkumi penyertaan, mengikuti dan perbincangan berkaitan politik. Secara keseluruhannya pencapaian tahap bagi domain ini masih berada di tahap yang tidak memuaskan iaitu dengan bacaan skor 49.35 pada tahun 2016 dan 45.82 pada tahun 2015. Walaupun terdapat sedikit peningkatan pada nilai skor iaitu sebanyak 3.53 tetapi masih berada di tahap yang rendah. Pencapaian domain ini berada pada tahap paling rendah dalam 12 domain IBM.

Jadual Domain Sosialisasi Politik

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
Domain Sosialisasi Politik		45.82	Tidak Memuaskan	49.35	Tidak Memuaskan
1	Mengikuti Perkembangan Politik	46.41	Tidak Memuaskan	58.93	Kurang Memuaskan
2	Perbincang Mengenai Isu Politik	48.29	Tidak Memuaskan	45.27	Tidak Memuaskan
3	Penyertaan Dalam Aktiviti Politik (Termasuk Kecenderungan Terhadap Parti)	42.75	Tidak Memuaskan	43.84	Tidak Memuaskan

Rajah Domain Sosialisasi Politik



Hasil dapatan kajian bagi domain ini boleh dirumuskan seperti berikut:

- Berdasarkan kepada pencapaian tiga indikator dalam domain ini, indikator bagi mengikuti perkembangan politik berada pada nilai tertinggi dengan nilai skor 58.93 berbanding indikator yang lain. Sebanyak 12.52 skor telah meningkat berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya. Hasil analisa yang dijalankan ke atas item bagi indikator ini menunjukkan bahawa golongan belia sering mengikuti perkembangan politik melalui platform media elektronik seperti “Facebook, Youtube Dan Blog”. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam politik seperti mendaftar sebagai pengundi dan mengundi semasa pilihan raya masih berada di tahap yang rendah.
- Senario penglibatan belia yang rendah dalam politik bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah berdasarkan kepada *Global Positive Youth Development Index 2016*, menunjukkan penglibatan belia di Eropah turut menunjukkan senario yang sama di mana skor bagi domain penyertaan dan penglibatan politik berada pada tahap yang rendah.
- Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhajaya Pilihan Raya (SPR) bagi data pemilih belia suku ke-3 Tahun 2016 menunjukkan seramai 11.26 juta belia layak untuk menjadi pengundi. Daripada jumlah tersebut, hanya 5.85 juta atau 52% telah mendaftar sebagai pengundi, manakala selebihnya 48% atau 5.41 juta masih belum mendaftar sebagai pengundi.
- Dicaadangkan agar kerajaan mengkaji dan membuat semakan semula peruntukan atau undang-undang bagi seseorang warganegara Malaysia yang telah mencecah umur 21 tahun didaftarkan secara automatik dan layak untuk mengundi. Keadaan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan jumlah pengundi berdaftar.
- Bagi memastikan belia Malaysia mempunyai suara, maka pihak kerajaan perlu menyediakan platform atau saluran yang khusus kepada golongan belia dalam menyuarakan pendapat serta pandangan mereka. Hal ini secara tidak langsung dapat mengasah kepimpinan dan potensi diri serta menggalakkan penglibatan belia melalui politik secara matang. Sebagai contoh, Parlimen Belia Malaysia perlu diteruskan pelaksanaannya kerana program ini memberi ruang kepada belia untuk bersuara dan mendidik belia berkaitan sistem demokrasi berparlimen.
- Selain itu, dicaadangkan agar kerajaan mengkaji semula had umur pemilih iaitu daripada 21 tahun kepada had umur yang lebih rendah iaitu 18 tahun. Terdapat amalan lain-lain negara seperti Amerika Syarikat (*U.S Election Assistance Commission*), United Kingdom (*The Electoral Commission U.K*), Denmark (*The Office for Democratic Institutions and Human Rights (OSCE/ODIHR)*, 2015), Norway (*Norway's Government Administration Services*), Filipina (*Commission on Elections. Republic of the Philippines*), Kemboja (*National Election Committee(NEC) of Cambodia*) dan Thailand (*Election Commission of Thailand*) telah meletakkan umur minima pengundi pada usia yang lebih muda iaitu 18 tahun, malah negara Indonesia (Komisi Pemilihan Umum Indonesia) meletakkan had umur sebagai pemilih pada usia 17 tahun. Ini secara tidak langsung dapat memmatangkan golongan belia dan menjadikan golongan belia lebih peka terhadap sesuatu isu yang berlaku dalam negara dan secara tidak langsung dapat menggilap potensi diri belia khususnya dalam aspek kepimpinan.

Domain Penggunaan Media



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016

Penggunaan Media

Domain Penggunaan Media di dalam IBM ini menggariskan bahawa tempoh maksimum empat jam didefinisikan sebagai penggunaan paling ideal (Ward & Friedman, 2006). Manakala bagi penggunaan yang melebihi daripada tempoh empat jam didefinisikan sebagai berada pada tahap ketagihan. Secara keseluruhan, Skor bagi Domain Penggunaan Media menunjukkan penurunan sebanyak 5.47 berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya. Skor pada tahun 2016 menunjukkan pencapaian domain ini berada di tahap yang sederhana iaitu 68.12.

Jadual Domain Penggunaan Media

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
	Domain Penggunaan Media	73.59	Sederhana	68.12	Sederhana
1	Kekerapan Guna Media	73.59	Sederhana	68.12	Sederhana

Jadual Domain Penggunaan Media




Jika dianalisa lebih terperinci berhubung jumlah masa yang diperuntukkan untuk menggunakan sesuatu media, hasil kajian mendapati masa untuk menggunakan telefon bimbit paling tinggi berbanding media lain iaitu selama 7-8 jam sehari dan diikuti melayari internet (5-6 jam sehari), menonton televisyen (3-4 jam sehari) , penggunaan komputer (2-3 jam sehari) dan mendengar radio (1-2 jam sehari). Manakala, membaca buku (selain buku pelajaran), membaca surat khabar dan majalah hanya memperuntukkan masa 1 jam sehari.



Hasil daripada domain ini dapat dirumuskan bahawa:

- Golongan belia menghadapi ketagihan penggunaan media bagi penggunaan telefon bimbit dan internet. Dimana purata penggunaan melebihi 4 jam sehari.
- Dapatan kajian disokong oleh Kajian daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati secara keseluruhannya seramai 18 juta rakyat di negara ini aktif menggunakan laman sosial dimana penggunaan tertinggi adalah terdiri daripada golongan belia. Melalui hasil kajian tersebut turut mendapati bahawa hampir 57% golongan belia berusia bawah 30 tahun di negara ini dikesan mengalami ketagihan media sosial terutamanya internet dan sanggup menghabiskan masa tiga hingga empat jam sehari.
- Terdapat kajian lepas menunjukkan penggunaan media sosial yang mencapai tahap ketagihan atau “ekstrem” dikaitkan dengan masalah-masalah seperti kemurungan, insomnia, gangguan tidur (Cheng & Wong, 2011), gangguan pemakanan (Spettigue & Henderson, 2004) dan anti-sosial (Ma, 2011). Individu yang berdepan dalam situasi ini mengalami gangguan yang boleh menjejaskan kestabilan fungsi emosi dan mental, perhubungan sosial dan pergaulan serta tanggungjawab terhadap organisasi dan institusi dalam hidupnya. Ketagihan media sosial disifatkan sebagai kegagalan menjalankan rutin seharian akibat penggunaan media sosial secara berlebihan.
- Oleh itu, intervensi pendedahan media dalam kalangan belia memerlukan satu garis panduan yang berupaya untuk memandu mereka menggunakan media secara sihat dan beretika.



Domain **Waktu** **Senggang**



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016


Waktu Senggang

Domain ini mengukur kegiatan belia dalam aktiviti-aktiviti waktu senggang yang berkualiti merangkumi aktiviti sukan, rekreasi, hobi, hiburan serta penglibatan berpersatuan. Secara keseluruhannya domain ini berada pada tahap memuaskan dengan nilai skor 76.14. Terdapat dua indikator yang diukur dalam domain ini iaitu indikator Penglibatan Aktiviti Sukan dan Penggunaan Masa Senggang.

Jadual Domain Waktu Senggang

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
	Domain Aktiviti Waktu Senggang	81.02	Sangat Memuaskan	76.14	Memuaskan
1	Penggunaan Masa Senggang	93.29	Sangat Memuaskan	76.69	Memuaskan
2	Penglibatan Aktiviti Sukan	68.74	Sederhana	75.59	Memuaskan

Rajah Domain Waktu Senggang



Hasil daripada domain ini dapat dirumuskan bahawa:

- Bagi Aktiviti Sukan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 6.85 iaitu peningkatan daripada 68.74 (Sederhana) bagi tahun 2015 kepada 75.59 (Sederhana) pada tahun 2016.
- Peningkatan skor ini menggambarkan bahawa, penglibatan belia dalam aktiviti sukan semakin meningkat. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak dalam memastikan gaya hidup sihat golongan belia dipertingkatkan. Antara program sukan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2016 adalah seperti Program Fit Malaysia, FitMalaysia@Komuniti, Hari Sukan Negara, Liga Sukan Untuk Semua (LSUS) dan sebagainya (Bahagian Pembangunan Sukan, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, 2016).
- Aktiviti **jogging, badminton, berbasikal, bola sepak dan futsal** menjadi aktiviti sukan yang kerap dilaksanakan oleh golongan belia.
- Manakala, bagi aktiviti waktu senggang pula, golongan belia memperuntukkan masanya bagi aktiviti seperti **melayari laman sosial (Facebook, Twitter, Instagram, Line, Youtube, dll), menonton televisyen, membeli belah (Shopping) menonton wayang dan melepak (kedai makan, restoran, pusat membeli belah, dll).**

- Hasil dapatan kajian turut menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam persatuan /kelab berada di tahap yang rendah. Antara lima Persatuan/kelab yang tertinggi disertai oleh belia adalah **Kelab Sukan (cth: Kelab bola sepak, Kelab badminton dan Kelab Futsal), Badan Beruniform (Persatuan Pengakap/Pandu puteri), Persatuan Kebajikan (cth: Sukarelawan), Persatuan Agama, Persatuan Belia (cth: 4B, MBYC dll).**
- Skor Penggunaan Masa Senggang menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam masa senggang berada di tahap yang memuaskan dengan nilai skor 76.69. walau bagaimanapun, pencapaian skor bagi tahun 2016 mengalami penurunan sebanyak 16.61 berbanding pada tahun 2015 dengan catatan skor 93.29 (Sangat Memuaskan).
- Pengisian aktiviti yang berkualiti pada waktu senggang sangat penting dalam usaha melahirkan ciri-ciri dan potensi belia. Dalam mencapai sasaran 50% penglibatan masyarakat aktif bersukan pada tahun 2020 (Laporan RMK11, Jabatan Perdana Menteri, 2015) maka sewajarnya skor bagi domain ini dipertingkatkan.
- Disarankan agar Kerajaan serta pemegang taruh belia perlu memberi tumpuan kepada strategi untuk menjadikan Malaysia sebuah” Negara Bersukan (Sporting Nation)” dengan penyertaan masyarakat khususnya belia secara meluas dalam pelbagai aktiviti sukan, kecergasan, dan rekreasi. Program ikonik seperti FitMalaysia, Liga Sukan untuk Semua, Sukan untuk OKU, dan kejohanan futsal perlu diperluas pelaksanaannya hingga peringkat akar umbi.



Perincian penglibatan belia dalam aktiviti-aktiviti sukan, masa senggang dan persatuan/kelab adalah seperti Jadual di bawah.

Jadual Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Sukan

Bil	Aktiviti Sukan	Peratusan (%)				
		Tidak Pernah	Sangat Tidak Kerap (Beberapa Kali Setahun)	Tidak Kerap (Beberapa Kali Sebulan)	Tidak Kerap (Beberapa Kali Seminggu)	Sangat Kerap (Beberapa Kali Sehari)
1	Jogging	22.6	9.9	20.9	27.3	19.2
2	Badminton	24.1	11.6	21.8	25.2	17.4
3	Berbasikal	34.7	14.5	19.0	19.4	12.3
4	Bola sepak	43.1	13.3	13.3	14.5	15.8
5	Futsal	48.0	13.2	11.7	12.6	14.4
6	Bowling	45.4	17.0	16.5	12.8	8.2

Bil	Aktiviti Sukan	Peratusan (%)				
		Tidak Pernah	Sangat Tidak Kerap (Beberapa Kali Setahun)	Tidak Kerap (Beberapa Kali Sebulan)	Tidak Kerap (Beberapa Kali Seminggu)	Sangat Kerap (Beberapa Kali Sehari)
7	Gym	49.2	13.9	14.5	13.3	9.2
8	Mendaki bukit/ gunung	50.1	17.9	13.2	10.2	8.6
9	Lumba lari	55.3	16.1	11.8	9.4	7.5
10	Memancing	57.1	15.7	10.1	9.1	8.0
11	Renang	55.5	16.9	12.6	8.7	6.3
12	Bola keranjang/ Bola jaring	56.5	17.3	11.6	7.8	6.7
13	Sepak Takraw	61.7	13.7	9.7	7.1	7.8
14	Catur	59.9	17.1	10.4	6.9	5.7
15	Snooker	62.6	14.6	9.4	6.6	6.8
16	Mengembara (<i>backpacking</i>)	62.7	15.8	9.4	6.0	6.2
17	<i>Street Soccer</i>	68.0	13.9	7.1	5.0	6.0
18	Hoki	67.5	15.8	7.6	4.6	4.5
19	Ragbi	70.6	14.7	6.6	3.5	4.6
20	Tenis	68.9	16.6	7.6	3.4	3.4
21	Skuasy	69.8	15.7	7.6	3.5	3.4
22	Lumba motor	73.1	13.9	6.2	3.0	3.8
23	<i>Paintball</i>	71.7	15.3	7.0	3.0	3.0
24	<i>Skate boarding</i>	72.7	14.7	6.2	3.0	3.4
25	<i>Sprint test/drag</i>	73.6	13.5	6.6	2.9	3.3
26	<i>Golf</i>	72.5	15.4	6.0	3.0	3.0
27	<i>Drift car</i>	74.1	13.8	6.9	2.5	2.7
28	Lumba kereta	74.8	13.7	6.5	2.4	2.6

Jadual Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Waktu Senggang

Bil	Aktiviti Waktu Senggang	Peratusan (%)				
		Tidak Pernah	Sangat Tidak Kerap (Beberapa Kali Setahun)	Tidak Kerap (Beberapa Kali Sebulan)	Tidak Kerap (Beberapa Kali Seminggu)	Sangat Kerap (Beberapa Kali Sehari)
1	Laman sosial (<i>Facebook, Twitter, Instagram, Line, Youtube, dll</i>)	0.8	0.0	2.6	29.5	67.2
2	Menonton televisyen	8.4	4.9	11.8	26.7	48.2
3	Membeli belah (<i>Shopping</i>)	12.5	12.3	30.4	25.9	18.9
4	Menonton wayang	16.6	16.8	27.3	20.4	18.9
5	Melepak (kedai makan, restoran, pusat membeli belah, dll)	21.5	13.6	24.0	24.9	16.0
6	Memasak	31.4	10.9	14.2	19.6	23.8
7	Membaca atau mengunjungi perpustakaan/ kedai buku	22.8	18.9	26.3	19.8	12.2
8	Berkelah	22.9	24.1	22.1	14.6	16.3
9	Melancong	27.1	22.8	18.8	15.3	16.1
10	Keluar bersama pasangan (<i>Dating</i>)	31.2	15.7	10.1	9.1	8.0
11	karaoke	27.1	20.4	23.0	15.4	14.1
12	Kerja-kerja sukarela atau kemasyarakatan	26.1	20.6	27.4	16.9	9.1
13	Bermain permainan komputer (<i>PSP, PS2, PS3, Xbox360, dll</i>)	36.9	18.6	15.9	15.4	13.2
14	Menghias	39.9	15.1	16.0	15.2	13.8
15	Fotografi	41.5	13.5	15.4	14.9	14.7
16	Berkhemah	33.9	24.1	17.4	12.2	12.4
17	Main alat muzik	42.9	15.7	16.0	11.5	13.9

Bil	Aktiviti Waktu Senggang	Peratusan (%)				
		Tidak Pernah	Sangat Tidak Kerap (Beberapa Kali Setahun)	Tidak Kerap (Beberapa Kali Sebulan)	Tidak Kerap (Beberapa Kali Seminggu)	Sangat Kerap (Beberapa Kali Sehari)
18	Melukis/mewarna	42.8	17.4	16.4	12.5	10.9
19	Menonton persembahan (kesenian, budaya warisan, teater)	42.6	20.5	16.3	10.9	9.7
20	<i>Blogging</i>	48.5	15.6	15.6	11.9	8.5
21	Aktiviti kebudayaan dan kesenian	51.5	18.0	14.4	8.3	7.8
22	Kraf tangan	53.0	17.0	14.3	8.9	6.9

Jadual Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Persatuan / Kelab

Bil	Jenis Persatuan / Kelab	Peratusan
1	Kelab Sukan (cth: Kelab bola sepak, Kelab badminton dan Kelab Futsal)	34.5
2	Badan Beruniform (Persatuan Pengakap/Pandu puteri)	19.3
3	Persatuan Kebajikan (cth: Sukarelawan)	19.2
4	Persatuan Agama	16.9
5	Persatuan Belia (cth: 4B, MBYC dll)	14.7
6	Persatuan Rekreasi (Kelab Pendakian)	13.1
7	Persatuan Seni Mempertahankan Diri (cth: Persatuan Silat Gayong)	12.8
8	Persatuan Alumni	12.8
9	Kelab Usahawan	12.2
10	Persatuan Alam Sekitar	11.6
11	Persatuan Bulan Sabit Merah / St. John	11.1
12	Kelab Permotoran	10.9
13	Kumpulan Berasaskan Minat (<i>Special Interest Group</i>)	9.9
14	Kelab Seni dan Kebudayaan (cth: Tarian)	9.3
15	Kelab perkhidmatan (cth: Rotary Club, Rakan Corp dan Lion Club)	9.0
16	Persatuan Profesional (cth: Persatuan Peguam dan Persatuan Arkitek)	7.2

Domain Bebas Tingkah Laku Devian



Skor Indeks Belia Malaysia Mengikut Domain
Dan Indikator Bagi Tahun 2015 Dan 2016

Bebas Tingkah Laku Devian


Domain Bebas Tingkah Laku Devian merangkumi 15 indikator salah laku yang sering dikaitkan dengan belia. Tingkah laku devian bermaksud perlakuan yang menyimpang atau melencong daripada norma-norma masyarakat. Dalam kajian ini nilai skor yang tinggi bermaksud kecenderungan atau penglibatan belia dalam aktiviti tingkah laku devian adalah di tahap rendah atau dengan kata lain bebas daripada tingkahlaku menyimpang, manakala nilai skor yang rendah bermaksud sebaliknya, iaitu penglibatan belia kepada tingkah laku devian adalah tinggi. Secara keseluruhannya, skor bagi domain ini berada di tahap yang sangat memuaskan di mana skor yang dicatatkan pada tahun 2016 ialah 91.31 iaitu berlaku peningkatan sebanyak 1.86 berbanding tahun sebelumnya pada tahun 2015 iaitu 49.45.

Jadual Domain Bebas Tingkah Laku Devian

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
1	Domain Bebas Tingkahlaku Devian	89.45	Sangat Memuaskan	91.31	Sangat Memuaskan
2	Tidak Mengadakan Hubungan Seks Sesama Jantina	90.36	Sangat Memuaskan	93.25	Sangat Memuaskan
3	Tidak Mengambil Dadah / Bahan Terlarang	90.21	Sangat Memuaskan	92.75	Sangat Memuaskan
4	Tidak Mengedar Dadah / Bahan Terlarang	90.32	Sangat Memuaskan	92.35	Sangat Memuaskan
5	Tidak Memeras Ugut	89.72	Sangat Memuaskan	92.25	Sangat Memuaskan
6	Tidak Melakukan Penderaan/ Keganasan Rumah Tangga	89.47	Sangat Memuaskan	92.00	Sangat Memuaskan
7	Tidak Membawa Senjata	89.32	Sangat Memuaskan	91.75	Sangat Memuaskan
8	Tidak terlibat dengan Jenayah Siber (Menggodam, Cetak Rompak, Dll)	89.96	Sangat Memuaskan	91.63	Sangat Memuaskan
9	Tidak Terlibat Dalam Gangsterism	88.85	Sangat Memuaskan	91.50	Sangat Memuaskan
10	Tidak Mencuri Hak Milik Orang Lain	88.96	Sangat Memuaskan	91.25	Sangat Memuaskan
11	Tidak Mengadakan Hubungan Seks Luar Nikah/ Sebelum Berkahwin	89.45	Sangat Memuaskan	91.10	Sangat Memuaskan
12	Tidak Mencederakan Orang Lain	88.82	Sangat Memuaskan	91.00	Sangat Memuaskan
13	Tidak Merosakkan Harta Benda Awam/Vandalisme	88.68	Sangat Memuaskan	91.00	Sangat Memuaskan

Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15		SKOR DOMAIN IBM'16	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
14	Tidak Lumba Motor Haram (Merempit)	87.40	Sangat Memuaskan	90.00	Sangat Memuaskan
15	Tidak Berjudi	90.24	Sangat Memuaskan	89.37	Sangat Memuaskan
16	Tidak Minum Arak	89.93	Sangat Memuaskan	88.42	Sangat Memuaskan

Rajah Domain Tingkah Laku Devian



Hasil daripada domain ini dapat dirumuskan bahawa:

- Secara keseluruhannya, tahap domain ini berada di tahap yang sangat memuaskan di mana pencapaian nilai skor merupakan nilai tertinggi berbanding 12 domain yang lain. Pencapaian domain ini memberi indikasi bahawa penglibatan belia dalam tingkah laku berisiko adalah di tahap yang minimum dan terkawal.
- Dapatan ini juga turut disokong oleh statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJJK), Bukit Aman menyatakan bahawa Kadar Indeks Jenayah seluruh negara bagi tempoh Januari hingga Disember 2016 mencatatkan penurunan 2.7 peratus. Jumlah itu menjadikan hanya 112,000 kes direkodkan berbanding 115,225 kes pada tahun 2015.
- Walau bagaimanapun, tumpuan khusus perlu diberikan dari semasa ke semasa agar penglibatan belia dalam aktiviti devian dapat dikawal dan berada di tahap yang minimum.
- Daripada 15 indikator yang terkandung dalam domain ini hanya dua indikator sahaja mencatatkan penurunan iaitu indikator bagi “tidak berjudi” dan “tidak minum arak”. Indikasi ini bermaksud penglibatan belia dalam aktiviti berjudi dan minum arak semakin meningkat dan ia secara tidak langsung memberi gambaran yang kurang baik kepada kualiti dan kesejahteraan hidup belia masa kini.

- Manakala, bagi lain-lain indikator menunjukkan peningkatan nilai skor berbanding tahun sebelumnya dengan peningkatan purata 2.3 skor.
- Bagi memastikan pencapaian domain ini sentiasa berada di tahap yang sangat memuaskan, pihak kerajaan, swasta, pemimpin belia, persatuan belia, komuniti setempat, pendidik, serta ibu bapa perlu memainkan tugas dan peranan. Program berbentuk intervensi seperti *Smart Youth Community* perlu dilaksanakan meliputi pelbagai lapisan peringkat agar aset dan potensi belia dapat diserlahkan dan secara tidak langsung penglibatan belia dalam perkara yang negatif dapat dikurangkan.

Kesimpulan dan Tindakan Seterusnya




KESIMPULAN



- Bagi memastikan sistem pemantauan yang lebih holistik dan menyeluruh berkaitan kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia, maka penilaian pencapaian 12 domain dan 58 indikator dilaksanakan setiap tahun bermula pada tahun 2016 sehingga tahun 2020.
- Pada tahun 2016, didapati bahawa tahap kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia berada di tahap sederhana iaitu dengan catatan skor 71.21. Skor pada tahun ini telah mencapai sasaran yang ditetapkan dengan pencapaian peningkatan satu skor iaitu daripada nilai skor 70.22 kepada 71.00 iaitu peningkatan sebanyak 0.99 berbanding dengan tahun sebelumnya.

...pencapaian peningkatan satu skor iaitu daripada nilai skor 70.22 kepada 71.00 iaitu peningkatan sebanyak 0.99 berbanding dengan tahun sebelumnya.



- Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan dapatan Penilaian *Outcome* Indeks Belia Malaysia 2016 ialah belia Malaysia mas kini menunjukkan potensi yang tinggi dan terbimbing sebagai rakan pembangunan Negara.
- Walau bagaimanapun, terdapat beberapa nilai skor domain dan indikator perlu diberi perhatian khususnya bagi elemen Pembangunan Kendiri, Identiti, Potensi Diri, Gaya Pemakanan Seimbang, Kesihatan Mental, Pendidikan, Kesejahteraan Ekonomi, Penggunaan Media, Keselamatan diri dan Persekitaran serta Sosialisasi Politik. Ini menunjukkan bahawa belia Malaysia sangat memerlukan sokongan emosi dan psikologikal yang lebih holistik dari semua peringkat masyarakat agar kualiti dan kesejahteraan hidup mereka kekal seimbang dan positif. Skor yang rendah dan trend penurunan dalam domain berkenaan memberi isyarat bahawa tindakan yang bersesuaian perlu dilakukan dengan sewajarnya.
- Secara khususnya, skor rendah pada Domain Ekonomi dan Sosialisasi Politik memerlukan perhatian segera dari semua pemegang taruh pembangunan belia. Pendekatan secara holistik perlu dilaksanakan bagi mencari resolusi yang terbaik demi masa depan negara.




IBM adalah indeks bagi memantau dinamika pembangunan Belia Malaysia. Dapatan IBM ini memberi petunjuk bahawa pendekatan pembangunan belia yang lebih holistik, dan 'mesra belia' (dalam masa yang sama menghormati nilai agama dan budaya masyarakat pelbagai kaum di Malaysia) adalah penting bagi memastikan kelestarian keterlibatan belia sebagai rakan pembangunan Negara dan mencapai agenda negara pada masa akan datang.

Tindakan Seterusnya (*What's Next*)

- Cabaran utama pembangunan belia masa kini adalah bagaimana untuk merancang dan melaksanakan program yang dapat memberi impak maksimum kepada kumpulan sasaran secara konsisten dengan sumber dana yang terhad. Kejayaan keseluruhan program pembangunan belia akan dapat ditentukan jika semua pemegang taruh memainkan peranan dan fungsinya serta menjadikan IBM sebagai input dan rujukan dalam setiap perancangan program dan aktiviti belia.
- Seperti tahun sebelumnya, hasil daripada kajian ini, akan dijadikan input kepada pembentukan Pelan Tindakan Pembangunan Belia 2018-2020. Pelan tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama semua pemegang taruh pembangunan belia melalui Mesyuarat *Technical Working Group* agar program-program sedia ada dapat ditambahbaik manakala program-program baru yang ingin dilaksanakan memenuhi keperluan generasi belia dan memberi impak pada masa akan datang.
- Kerangka Pelan Tindakan Pembangunan Belia 2018-2020 dicadang untuk dibangunkan mengikut tiga "Tier" seperti berikut:
 - **Tier 1** merujuk kepada kesejahteraan hidup belia yang berada pada tahap memuaskan sehingga sangat memuaskan dengan nilai skor **75 hingga 100**. Tier 1 ini memerlukan lonjakan inovasi yang melibatkan domain-domain seperti Bebas Tingkahlaku Devian, Hubungan Sosial, Kesihatan dan Waktu Senggang.
 - **Tier 2** merujuk kepada kesejahteraan hidup belia yang berada pada tahap Sederhana dengan nilai skor **60 hingga 74**. Peringkat ini memerlukan pendekatan intervensi dan perhatian khusus ke atas domain-domain seperti Domain Pendidikan, Pembangunan Kendiri, Keselamatan, Identiti, Potensi Diri dan Penggunaan Media.
 - **Tier 3** merujuk kepada kesejahteraan hidup belia yang berada pada tahap sangat tidak memuaskan sehingga kurang memuaskan dengan nilai skor **0 hingga 59**. Pendekatan

proses diagnosis dan perbincangan kumpulan fokus di bawah Tier 3 perlu dilaksanakan dengan lebih serius dan holistik agar pencapaian domain tersebut dipertingkatkan ke tahap yang lebih wajar. Antara domain yang terkandung dalam tier ini ialah domain kesejahteraan ekonomi (isu kebolehpekerjaan, Jaminan Kewangan dan Pegajian (upah dan gaji) dan Sosialisasi Politik.



- Melalui pelan tindakan ini, semua pihak akan dapat bersama memastikan pembangunan belia di Malaysia dirancang dan dilaksanakan secara sistematik dan strategik bagi melahirkan belia-belie yang mempunyai karakter dan aset diri yang berkualiti dan mampu mendapam cabaran pada masa akan datang selaras dengan hasrat dalam Dasar Belia Malaysia 2015.

RUJUKAN

- Bubolz MM, Eicher JB, Evers SJ, Sontag MS. (1980). A human ecological approach to quality of life: Conceptual framework and results of a preliminary study. *Social Indicator Research* 7, 103-136.
- Camfield L, Skevington SM. (2008). On subjective well-being and quality of life. *Journal of Health Psychology* 13 (6), 764-775
- Cheng, L.M, Wong, W.S. (2011).The Effects Of Insomnia and Internet Addiction On Depression In Hong Kong Chinese Adolescents:An exploratory cross-sectional analysis.*Journal of sleep Research*,20(2),311-317.
- Cohen, Manion dan Marrison.(2001). Pengiraan saiz sampel: dalam Cha Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan:Mac Graw Hill*.
- Commission on Elections. Republic of the Philippines. Dimuat turun pada 2 Mei 2017 di alamat:<http://www.comelec.gov.ph/?r=References/RelatedLaws/RegistrationLaws/RA8189>
- Costanza R, Fisher B, Ali S, et al.. (2007). Quality of life: An approach integrating appotunities, human needs, and subjective well-being. *Ecological Economics* 61, 267-276.
- Diener,E & Suh,E. (1997). Measuring Quality Of Life:Economic, Social, and Subjective Indicator: *Social Indicator Research*,40,189-216
- Election Commission of Thailand. Dimuat turun pada 2 Mei 2017 di alamat: http://www.ipu.org/parline-e/reports/in_transition/Thai-Sen_B.htm
- Galloway S, Bell D, Hamilton C, Scullion A. (2005). *Well-being and quality of life: Measuring the benefit of culture and sport*.
- Global Positive Youth Development Index Report. (2016): *Commonwealth Secretariat Marlborough House*. Pall Mall London,United Kingdom
- Goldsmith EB (2005). *Resource management for individuals and families, 3rd edition*. Thompson Wadsworth, United States.
- Indeks Jenayah Seluruh Negara Menurun 2.7 Peratus Untuk 2016. (2016). yang dimuat turun pada 2 Mei 2017 di alamat: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/indeks-jenayah-seluruh-negara-menurun-2-7-peratus-untuk-2016-127493>
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2015). *Indeks Belia Malaysia 2015*.Putrajaya
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015). *Taburan Penduduk dan Taburan Penduduk Belia di Malaysia*.
- Jabatan Perdana Menteri. (2015). Bidang Fokus F:Menggiatkan Sukan Untuk Kehidupan Yang Sihat dan Memupuk Perpaduan. *Rancangan Malaysia Ke-sebelas 2016-2020 Pertumbuhan Berpaksi Rakyat*.4-26.Malaysia
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. (2015). *Dasar Belia Malaysia (DBM)*
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2015). *Laporan Kesihatan dan Morbaliti Kebangsaan*.

- Kerajaan Malaysia. (2007). Akta Pertubuhan Belia dan pembangunan Belia 2007 : *Definisi umur belia Malaysia (Akta 668)*.
- Komisi Pemilihan Umum Indonesia. Dimuat turun pada 2 Mei 2017 di alamat: <http://kpu.go.id/index.php/pages/detail/2017/1277>
- Konstantimos E.F, Vassilis.V & Konstantinos.P.(2015).E-CigarettesGenerate High Levels of Aldehydes Onliy In “Dry Puff” Conditions.*Addiction Journal*.Vol 110.Issue 8 15352-1356.
- Ma,H.K. (2011). Internet Addiction and antisocial internet behaviour of adolescent.*Scientific World Journal*,1112187-2196.
- McLead DM. (2008). Quality of life indicators. In: *Lavrakas PJ (ed) Encyclopedia of survey research methods, Vol. 2, pp. 651-652. Sage Publication Inc., Thousand Oaks, CA.*
- National Election Committee(NEC) of Cambodia. Dimuat turun pada 2 Mei 2017 di alamat: <https://www.necelect.org.kh/english/>
- Norway's Government Administration Services. Dimuat turun pada 2 Mei 2017 di alamat: <https://www.regjeringen.no/en/portal/election-portal/the-norwegian-electoral-system/id456636/#6>
- Samsudian A.Rahim.(2007).Generasi Belia:Satu Cetusan Pandangan.*Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*.Putrajaya
- Spettigue,W.,&Henderson, K.A. (2004). Eating Disorder and the role of the social media. *Journal of The Canadian Academy of Child and Adolescent Psychiatry, 13(1),16-19.*
- Statistik Data PemilihBelia Suku ke-3.(2016).Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)
- Sulaiman Md Yasin, Asnarulkhadi Abu Samah, etc al. (2015). Menjejaki Kesejahteraan Dari Kacamata Komuniti Malaysia:Yayasan Basmi Kemiskinan dengan Kerjasama UPM
- Szalai,A.(1980).The Meaning of Comparative Research on the Quality Of Life.Dalam A.Szali &Andrews (Eds):*The Quality Of Life, Beverly Hill,CA:Sage*
- The Electoral Commission United Kingdom. Dimuat turun pada 2 Mei 2017 di alamat: <http://www.electoralcommission.org.uk/i-am-a/voter/registering-to-vote-and-the-electoral-register>
- The Office for Democratic Institutions and Human Rights (OSCE/ODIHR).(2015). Dimuat turun pada 2 Mei 2017 di alamat: <http://www.thedanishparliament.dk/Publications/Parliamentary%20Election%20Act%20of%20Denmark.aspx>
- U.S. Election Assistance Commission. Dimuat turun pada 2 Mei 2017 di alamat: <https://www.usa.gov/voter-registration-age-requirements>
- Ventegodt S, Merrick J, Anderson NJ. (2003). Quality of life theory. The IQOL theory: an integrative theory of the global quality of life concept. *The Scientific World Journal* 3, 1030-1040.
- Ward & Friedman.(2006).Using TV as a guide:Associations Between Television Viewing and Adolescents Sexual Attitudes and Behavior:*Journal of Research on Adolescence*.Volume 16,Issue 1,Pages 133-156.
- Z.Ramli, SM Sum, AA Manaf, S Saad, MY Hussain, N Lyndon. (2012). Kualiti hidup dan kesejahteraan belia: kajian ke atas pekerja sektor awam Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 8 (6), 150-156

Lampiran


**Lampiran A: Perbandingan Skor
Mengikut Jantina**

**Lampiran B: Perbandingan Skor
Mengikut Lokaliti**

**Lampiran C: Perbandingan Skor
Mengikut Kategori Umur Belia**

**Lampiran D: Perbandingan Skor
Mengikut Etnik**

**Lampiran E: Perbandingan Skor
Mengikut Negeri Di Malaysia**



LAMPIRAN A: PERBANDINGAN SKOR MENGIKUT JANTINA BAGI TAHUN 2016

IBM 2016					
Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	LELAKI		PEREMPUAN	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
Keseluruhan Skor		70.84	Sederhana	71.63	Sederhana
1	Domain Pembangunan Kendiri	73.57	Sederhana	74.07	Sederhana
	Penghargaan Kendiri	70.13	Sederhana	70.61	Sederhana
	Efikasi Diri	73.57	Sederhana	73.55	Sederhana
	Motivasi Pencapaian	79.70	Memuaskan	79.93	Memuaskan
	Asertif	64.85	Sederhana	65.94	Sederhana
	Daya Tahan (<i>Resilient</i>)	75.14	Memuaskan	74.95	Sederhana
	Keagamaan (<i>Religious</i>)	77.03	Memuaskan	78.54	Memuaskan
	Kecerdasan Emosi (EQ)	74.53	Sederhana	74.95	Sederhana
2	Domain Hubungan Sosial	78.24	Memuaskan	77.86	Memuaskan
	Hubungan Dengan Ibu Bapa/Keluarga	84.77	Sangat Memuaskan	86.91	Sangat Memuaskan
	Hubungan Dengan Masyarakat	71.05	Sederhana	69.45	Sederhana
	Hubungan Dengan Rakan	78.91	Memuaskan	77.22	Memuaskan
3	Domain Identiti	69.64	Sederhana	69.80	Sederhana
	Daya Saing	66.51	Sederhana	62.87	Sederhana
	Kesukarelawanan	61.62	Sederhana	62.37	Sederhana
	Patriotisme	60.79	Sederhana	62.46	Sederhana
	Semangat Perpaduan	79.17	Memuaskan	80.28	Sangat Memuaskan
	Integriti	80.09	Sangat Memuaskan	81.03	Sangat Memuaskan
4	Domain Potensi Diri	68.72	Sederhana	67.96	Sederhana
	Kepimpinan	69.76	Sederhana	68.77	Sederhana
	Sensitiviti /Keprihatinan	72.09	Sederhana	73.15	Sederhana
	Berdaya Upaya	68.58	Sederhana	66.63	Sederhana
	Keusahawanan	64.43	Sederhana	64.28	Sederhana
	Kreatif	68.74	Sederhana	66.98	Sederhana
5	Domain Kesihatan	73.64	Sederhana	79.92	Memuaskan
	Tiada Tekanan	71.44	Sederhana	72.62	Sederhana

IBM 2016					
Bil	Domain/Indikator Keseluruhan	LELAKI		PEREMPUAN	
		Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
	Tiada Kebimbangan	78.44	Memuaskan	79.12	Memuaskan
	Tiada Kemurungan	82.09	Sangat Memuaskan	83.89	Sangat Memuaskan
	Tiada Kecenderungan Bunuh Diri	97.21	Sangat Memuaskan	97.87	Sangat Memuaskan
	Persepsi Terhadap Berat Badan	65.98	Sederhana	72.57	Sederhana
	Bebas Merokok	63.14	Sederhana	94.03	Sangat Memuaskan
	Amalan Pemakanan	57.22	Kurang Memuaskan	59.37	Kurang Memuaskan
6	Domain Pendidikan	72.58	Sederhana	75.30	Memuaskan
	Pencapaian Pendidikan	67.46	Sederhana	71.75	Sederhana
	Literasi Pendidikan/Kurikulum	75.46	Memuaskan	79.25	Memuaskan
	Kokurikulum	74.81	Sederhana	74.89	Sederhana
7	Domain Kesejahteraan Ekonomi	57.10	Kurang Memuaskan	59.16	Kurang Memuaskan
	Jaminan Kewangan	49.22	Tidak Memuaskan	49.31	Tidak Memuaskan
	Literasi Kewangan	74.78	Sederhana	76.76	Memuaskan
	Bebas hutang	65.24	Sederhana	72.48	Sederhana
	Pegajian	37.47	Sangat Tidak Memuaskan	40.99	Tidak Memuaskan
	Kembolehpkerjaan	58.78	Kurang Memuaskan	56.25	Kurang Memuaskan
8	Domain Keselamatan	71.22	Sederhana	71.03	Sederhana
	Keselamatan Diri Dan Persekitaran	67.76	Sederhana	64.27	Sederhana
	Keselamatan Penggunaan Internet	74.67	Sederhana	77.78	Memuaskan
